


**Jilid I
Bil. 80**



**Hari Isnin
22hb Oktober, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8643]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 8672]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 8673]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 8673]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P. J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K. P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
 „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
 „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
 „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
 „ TUAN V. DAVID (Damansara).
 „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
 „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
 „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
 „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
 „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok)
 „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
 „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
 „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
 „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
 „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
 „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
 „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
 „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
 „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
 „ TUAN LEE KAW (Kluang).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar)
 „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
 „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
 „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
 „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
 „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
 „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
 „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 22hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENDATANG HARAM VIETNAM

1. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak tamatnya persidangan khas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pelarian Indochina di Geneva baru-baru ini, berapa ramaikah pendatang-pendatang haram yang diambil oleh negara ketiga dan berapa pula bilangan pendatang haram yang baru mendarat di negara kita.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram Vietnam yang dipindahkan ke negara ketiga semenjak tamatnya persidangan Geneva ialah seramai 31,813. Kalau saya ambil, umpamanya, daripada bulan Julai 8,085, bulan Ogos 8,460, bulan September 9,726 dan bulan Oktober (sehingga hari ini 5,542). Jadi yang sudah dipindahkan 31,813. Baki yang tinggal di negara kita iaitu 43,286—sudah kurang lagi daripada hari kelmarin.

Jumlah yang mendarat—ini macam mana rapi kita jaga pun dia dapat juga mencelah sedikit-sedikit. Selama ini ada 33 buah bot sampai dengan muatannya 1,457 orang. Boleh dikatakan bilangan pendatang haram yang ada di negara kita ini semakin lama semakin kurang.

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada dalam persidangan khas Bangsa-bangsa Bersatu

mengenai orang-orang pelarian Vietnam di Geneva perkara tentang satu kenyataan yang dikatakan telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia tentang arahan supaya ditembak orang-orang pelarian yang datang untuk mendarat di pantai-pantai Semenanjung Malaysia dan apakah penjelasan yang diberi oleh pihak Kerajaan sekiranya perkara ini dibangkitkan dalam persidangan itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tidak berbangkit kerana tidak benar.

PENDATANG HARAM VIETNAM

2. **Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (di bawah S. O. 24 (2))** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan pendatang haram yang telah dipindahkan ke negara-negara ketiga, berapa ramai lagi yang sedang menunggu giliran untuk dipindahkan dan adakah pihak Kerajaan kita mengambil langkah-langkah tertentu mengusir mereka yang mendarat di pantai negara kita sesudah persidangan itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram yang telah dipindahkan ke negara ketiga sehingga hari ini ialah 76,134 orang iaitu daripada tahun 1975. Bilangan mereka yang menunggu giliran untuk dipindahkan ke negara ketiga seperti yang saya katakan tadi iaitu bakinya ialah 43,286 orang.

Bilangan yang sudah diterima tetapi sedang menunggu pengangkutan, ini yang sedang berada di transit camp kita di sekeliling Kuala Lumpur ini ialah 7,575 dan polisi Kerajaan mengenai orang-orang pelarian dari Vietnam adalah tetap iaitu menganggap mereka ini sebagai pendatang haram.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendatang haram ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang

berkenaan memberitahu Dewan ini apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian untuk menyasat satu laporan yang dilaporkan oleh majalah asing mengenai askar atau tentera kita merogol pendatang haram dan juga apakah tindakan telah diambil untuk mengelak perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan mengenai hal ini sudah ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, dalam soalan asal ada sebahagian mengatakan "langkah-langkah tertentu mengusir mereka yang mendarat di pantai negara kita sesudah persidangan itu".

Saya ingin tahu sama ada satu daripada langkah-langkah untuk menahan orang-orang pelarian dari mendarat di pantai negara kita itu termasuk—sekiranya keputusannya ada—untuk menembak atau shoot on sight.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dasar untuk menembak pendatang haram.

PATUNG "GOD OF MERCY" DI PULAU PINANG

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pembinaan patung "God of Mercy" di Pulau Pinang yang dianggarkan menelan belanja \$18 juta itu adalah bertujuan untuk merendahkan dan mencabul Syi'ar Islam sebagai ugama rasmi di Malaysia yang menekankan ajaran tauhid, jika ya, apakah langkah yang sedang diambil bagi mengatasi masalah itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan tidak pernah mendengar bahawa ada berita mengatakan rancangan pembinaan patung seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bachok bertujuan untuk merendahkan dan mencabul syi'ar Islam. Tetapi Kerajaan baru-baru ini mendapat tahu ada rancangan pembinaan patung "Kuan Yin" atau "Goddess of Mercy" (bukan "God of Mercy") di Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa di Pulau Pinang pada tahun 1976—pada waktu itu parti PAS masih dalam Barisan Nasional. Ini adalah sebagai ganti menara pagoda yang pada waktu itu ada rancangan untuk dirobuhkan.

Mengikut maklumat terakhir yang saya terima daripada Jawatankuasa Pembinaan Patung "Kuan Yin", Pulau Pinang mereka telah mengadakan satu mesyuarat baru-baru ini untuk mengkaji perkembangan rancangan pembinaan patung tersebut.

Mengikut berita yang saya tahu Jawatankuasa itu telah membatalkan rancangannya yang asal dan bercadang membina sebuah rumah ibadat. Ini dengan bertujuan untuk menggantikan pagoda yang dirobuhkan dulunya dan bangunan ini diletak di tempat yang lama.

HARGA RUNCIT GULA

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa harga gula sepatutnya boleh dikurangkan daripada harga pasaran sekarang disebabkan harga gula mentah di dunia telah turun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, harga runcit gula di pasaran tempatan tidak semata-mata bergantung kepada harga gula di pasaran dunia. Harga gula dalam negeri adalah dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu:

- (i) harga gula mentah di bawah Kontrak Jangka Panjang dengan Australia dan Fiji;
- (ii) harga gula mentah dalam pasaran bebas; dan
- (iii) kos pengeluaran kilang-kilang penapis gula yang disatukan (Integrated Sugar Refineries).

Walaupun Kerajaan telah merundingkan semua syarat-syarat harga dan bekalan di bawah Kontrak Jangka Panjang dengan Australia dan Fiji pada tahun 1978, harga baru masih lebih tinggi daripada paras harga di pasaran antarabangsa. Memandangkan bahawa hampir kira-kira 60 peratus daripada keperluan gula Negara ini adalah dibekalkan oleh Australia dan Fiji di bawah Kontrak Jangka Panjang itu, paras harga kontrak ini banyak mempengaruhi harga gula di pasaran Dalam Negeri.

Dengan paras harga yang baru ini, Malaysia telah dapat mengekalkan harga runcitnya di paras 65 sen sekati di Semenanjung Malaysia dan 70 sen sekati di Sabah dan

Sarawak. Sekiranya Malaysia masih meneruskan perjanjian yang asal, pengguna-pengguna dalam Negara ini terpaksa membayar lebih dari paras 65 sen sekati bagi tahun ini.

Selain daripada itu, harga runcit gula di peringkat 65 sen sekati akan memberi galakan kepada Kilang-kilang Gula Tempatan Yang Disatukan untuk menambah pengeluaran mereka supaya Malaysia tidak sangat bergantung kepada bekalan gula daripada Luar Negeri.

Seterusnya adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menjamin bekalan gula yang mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk membiarkan harga gula di pasaran Dalam Negeri turun naik mengikut harga bahan tersebut di peringkat antarabangsa kerana ini akan menyusahkan pengguna-pengguna dalam negeri ini.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa 5 minggu kebelakangan ini, harga gula mentah di pasaran antarabangsa telah meningkat sebanyak £40 satu tan. Harga bagi bulan November tahun ini adalah £148 satu tan. Harga-harga bagi pasaran yang akan datang (iaitu futures market) adalah lebih tinggi dari harga sekarang. Misalnya, bulan Disember, 1979 £159 satu tan dan bulan Mac, tahun hadapan £163 satu tan. Sebagai bandingan, harga gula mentah yang telah ditetapkan di dalam Kontrak Jangka Panjang dengan Australia dan Fiji adalah dalam lingkungan £152 satu tan. Keadaan ini menyebabkan harga di pasaran bebas sekarang berhampiran sama dengan harga di dalam Kontrak Jangka Panjang itu. Oleh itu harga yang sedia ada sekarang adalah berpatutan dan munasabah.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Speaker, soalan tambahan. Dapatkah Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan ini mengatakan kenapakah gula yang dijual di Thailand lebih murah daripada yang kita dapat di Malaysia ini sedangkan semacam, rupanya sama? Kenapakah di Thailand boleh mereka jual gula dengan murah, tetapi kita di sini tidak boleh dijual dengan harga murah?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Negara kita juga adalah mengimport gula daripada Thailand, iaitu lebih-kurang sebanyak 25% daripada keperluan dalam Negara pada masa ini. Namun

demikian, oleh kerana Kerajaan telah membuat satu Kontrak Jangka Panjang dengan Australia dan Fiji, lebih kurang 60% daripada gula mentah adalah datangnya melalui kontrak itu. Ini akan diteruskan oleh kerana negara-negara yang berkenaan memberi jaminan kepada kita bahawa gula akan diberi sebagaimana yang termaktub di dalam kontrak itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya soalkan ialah kenapakah Thailand boleh menjual gula agak murah kepada rakyat jelatanya, sedangkan kita tidak boleh?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, keadaan di Thailand adalah berlainan sedikit dengan keadaan di negara kita ini. Sebagai maklumat kepada Ahli Yang Berhormat, yang sebenarnya pada masa ini Thailand hanya menjual gula 5 sen sekati kurang daripada harga di negara ini, iaitu sebanyak 60 sen sekati pada hal kita menjual sebanyak 65 sen sekati. Jadi tidaklah banyak perbezaannya, sungguhpun daripada segi iklim dan sebagainya, Thailand adalah lebih sesuai untuk ditanam gula daripada negara kita. Walaupun demikian, kita dapat merendahkan paras harga jualan gula dalam Malaysia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, mengenai perkara bekalan gula dan masalah mengimport gula ke negara kita Malaysia, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekiranya perjanjian dengan Australia tamat, sama ada Kerajaan bercadang untuk mengimport gula daripada negara-negara lain yang boleh membekalkan gula ke negara Malaysia dengan harga yang lebih murah?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kontrak Jangka Panjang dengan Australia dan Fiji akan tamat dalam tahun 1983; kita akan menimbangkan perkara ini apabila masanya sampai kelak.

HARGA MINYAK DIESEL/TANAH/ PETROL

5. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan pertambahan inflasi yang dianggarkan bagi tahun ini dan sejauh mana kenaikan dalam

harga minyak disel, minyak tanah dan minyak petrol menyumbang ke arah putaran inflasi.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telahpun menyentuh perkara mengenai inflasi dalam Ucapan Belanjawan pada 18hb Oktober, 1979 ini. Dalam ucapan itu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa kadar inflasi bagi tahun 1979 dijangka berada pada paras kira-kira 5% berbanding dengan kadar pertambahan sebanyak 4.9% pada tahun lalu. Berhubung dengan bahagian kedua soalan tersebut, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menerangkan perkara ini dalam jawapannya kepada soalan yang sama pada 11hb Oktober, 1979 dan oleh itu tidak perlu perkara ini dijawab lagi.

HONORARIUM KAKITANGAN PERKHIDMATAN PARLIMEN

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan tuntutan "honorarium" bagi kakitangan Perkhidmatan Parlimen dan menyatakan sebab-sebab "honorarium" tidak dibayar memandangkan "cuti gantian" bagi mereka yang bekerja lebihmasa adalah kurang praktikal.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menimbangkan tuntutan bayaran "honorarium" bagi kakitangan Perkhidmatan Parlimen dan telah tidak dapat mempersetujuikannya. Ini adalah kerana bukan semua kakitangan Parlimen diperlukan bekerja melebihi daripada 4.15 petang. Mereka yang diperlukan bekerja selepas 4.15 petang boleh menerima Elaun Lebihmasa tetapi bagi mereka yang tidak layak dibayar Elaun Lebihmasa dan dikehendaki juga bekerja lebih daripada 4.15 petang bolehlah diberikan cuti gantian kesokannya atau gantian masa (time off) di sebelah pagi atau ditangguhkan cuti gantiannya pada ketika Parlimen tidak bersidang. Lagipun jika tuntutan ini diluluskan besar kemungkinannya kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain yang dikehendaki menjalankan tugas lebih daripada waktu pejabat akan

mengemukakan tuntutan yang sama dan ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan yang diberikan oleh bahagian Perkhidmatan Parlimen itu berbeza dengan perkhidmatan yang diberi oleh jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, umpamanya, mengenai kutubkhanah (library) yang ada di Parlimen ini adalah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen supaya membuat rujukan dan juga untuk meminjam buku bagi meninggikan pengetahuan Ahli-ahli Parlimen, tetapi malangnya oleh kerana adanya keputusan daripada pihak Kerajaan maka library itu tertutup tiap-tiap hari selepas 4.15 petang dan Ahli-ahli Parlimen tidak dapat menggunakan library itu selepas 4.15 petang. Bolehkah Kerajaan menimbang balik keputusan itu supaya khususnya library dan juga mengenai Penyata Rasmi yang tidak dapat kita terima seperti beberapa tahun dahulu di mana Ahli-ahli Parlimen setiap hari menerima Penyata Rasmi mengenai apa yang telah berlaku di dalam Dewan hari yang sebelum pada hari itu, bolehkah Kerajaan menimbang supaya honorarium ini diberi supaya jentera ini boleh berjalan dengan licin dan Ahli-ahli Parlimen boleh menikmati perkhidmatan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini akibat daripada keputusan Kerajaan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal Perpustakaan, saya percaya sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memindahkan sedikit (schedule) masa bekerjanya, saya fikir tentulah library itu akan dapat digunakan sepenuhnya kerana mesyuarat kita bersidang daripada pukul 2.30 petang, jadi paginya itu memang biasa boleh digunakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk meminjam buku atau untuk membaca buku. Kalaulah kita tahu 4.15 petang yang library itu akan tutup, pergilah lebih awal sedikit iaitu sebelah pagi.

Dan soal Penyata Rasmi dan sebagainya, sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun meluluskan pembayaran elaun lebihmasa untuk 4 orang Pelayan Pejabat dan juga untuk Operetor Mesin, bermakna ini akan memudahkan penyediaan Penyata Rasmi pada tiap-tiap hari.

Tuan P. Patto: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah lagi, sebab Order Paper dapat awal sedikit tetapi *Hansard* tidak dapat juga. *Hansard* tidak dapat seperti biasa. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Parlimen hanya dipanggil tiga kali setahun, untuk kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, adakah pihak Jabatan Perdana Menteri akan menimbangkan untuk memberi satu elaun khas untuk semua kakitangan yang memberikan perkhidmatan lebihmasa dari yang ditetapkan supaya perkhidmatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi tidak akan terganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah ada terkandung dalam jawapan yang asal tadi. Adakah hendak tambah lagi Yang Berhormat?

Tuan Shahrir bin Abdul samad: Tidak ada.

DASAR EKONOMI BARU—KEJAYAAN

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mengurangkan kemiskinan luar bandar dan adakah beliau sedar bahawa masih ramai lagi orang-orang miskin di luar bandar yang belum menikmati Dasar Ekonomi Baru ini, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan sejauh mana kejayaan Dasar Ekonomi Baru, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu supaya membaca buku *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980* terutamanya Bab 2, yang menghuraikan secara terperinci kemajuan yang telah dicapai dan perspektif jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha membasmi kemiskinan terutamanya bagi sektor luar bandar.

Walau bagaimanapun saya ingin tegaskan di sini bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah membawa kejayaan, khususnya

dalam mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar (sektor pertanian) iaitu dari 68% pada tahun 1970 kepada 55% pada tahun 1978. Di dalam sektor pertanian, di mana terdapat ramai golongan miskin ternyata bahawa kadar kemiskinan telah berkurangan. Ini adalah hasil daripada usaha-usaha Kerajaan menempatkan keluarga miskin di sekim pembangunan tanah, memperluaskan kemudahan perairan dan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian melalui penyediaan perkhidmatan perkembangan dan bantuan baja dan benih mutu tinggi serta usaha-usaha tanaman semula dan pemilihan tanaman.

Berdasarkan kepada pengalaman dalam tempoh Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah dan akan melipatgandakan usaha untuk membasmi kemiskinan terutama di sektor luar bandar dengan menekankan aspek pembangunan *in situ*, pembangunan tanah serta peningkatan taraf hidup dan pendapatan sektor pekebun kecil getah, kelapa, petani, pekerja-pekerja estet, nelayan dan sektor kampung-kampung baru. Dari segi kemudahan awam, Kerajaan telah menyediakan program-program pelajaran, perkhidmatan kesihatan, jalanraya dan seterusnya keperluan elektrik dan air. Kerajaan yakin, setakat ini golongan-golongan tersebut pada keseluruhannya telah dan akan menikmati Dasar Ekonomi Baru seperti yang dinyatakan di dalam *Kajian Separuh Penggal* tersebut. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan luar bandar kepada 23% menjelang tahun 1990.

Pada keseluruhannya adalah didapati program-program Kerajaan telah dapat meningkatkan pendapatan semua kaum di sektor luar bandar dan bandar. Seperti yang saya nyatakan dalam *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga*, pendapatan bulanan purata isirumah bagi kumpulan pendapatan 40% terendah, telah bertambah sebanyak 10.5% tiap-tiap tahun iaitu daripada \$75.90 sebulan bagi tahun 1970 kepada \$138.40 sebulan dalam tahun 1976.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mengurangkan kemiskinan di luar bandar dengan sendirinya orang-orang yang terlibat ialah kaum bumiputra. Jadi apakah Kerajaan

bercadang untuk menambahkan lagi ke-utamaan-keutamaan dalam mendapat pelajaran tinggi dan juga perdagangan atau lain-lain kegiatan ekonomi kepada bumiputra bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, ini telahpun diambil perhatian apabila kita menjalankan kajian Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, oleh kerana istilah "luar bandar" meliputi kawasan-kawasan kampung baru, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa kebanyakan (majority) kampung-kampung baru di negara kita masih menghadapi masalah kemiskinan yang buruk. Sekiranya beliau sedar, apakah rancangan khas yang Kerajaan punyai untuk mengatasi berbagai-bagai masalah ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan saya sudah terangkan tadi dalam jawapan saya, rancangan-rancangan yang diambil untuk mengatasi masalah kemiskinan semua kaum di negara ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa salah satu aspek Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membasmi kemiskinan dan juga kita hendak menyusun semula masyarakat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri samada Jabatan Perdana Menteri melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menambah lagi peruntukan yang telah kita beri tahun ini sebanyak \$52 juta untuk kita menyusun semula kampung-kampung di luar bandar, iaitu untuk meninggikan lagi imej kampung-kampung Melayu di luar bandar iaitu dengan menambahkan peruntukan daripada \$52 juta ini kita tambahkan sekali ganda lagi. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula masyarakat ini dengan membangunkan lebih banyak lagi rumah-rumah murah di kawasan-kawasan luar bandar supaya dapat kita tempatkan lagi dengan lebih ramai penduduk-penduduk di pendalaman ke dalam rumah-rumah murah ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, ada. Adalah menjadi cita-cita Kerajaan untuk menambah seberapa banyak pembinaan rumah bagi rakyat.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri apakah beliau bersetuju tentang pendapat setengah ahli-ahli ekonomi yang menentukan pendapatan seseorang itu \$180 ke bawah boleh diistilahkan sebagai seorang itu miskin. Jika tidak, adakah beliau bercadang untuk membuat penentuan tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kemiskinan supaya tidak mengelirukan, khasnya kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Bertanya fikiran Yang Berhormat Menteri itu dilarang di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikuti daripada Laporan Ekonomi tahun ini kita dapati 65% daripada orang-orang yang diistilahkan sebagai miskin terdiri daripada orang-orang Melayu, 39% orang-orang India dan 25% orang-orang Cina. Jadi dalam menambahkan lagi peruntukan dalam Dasar Ekonomi Baru adakah Kerajaan bercadang untuk mengikut peratus-peratus ini dalam memberikan peruntukan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, ada. Minta maaf kurang jelas, minta ulangi lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Ekonomi tahun ini kita dapati 65% daripada mereka yang tinggal di luar bandar diistilahkan sebagai miskin, iaitu orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung yang bekerja sebagai petani dan 39% orang India diistilahkan sebagai miskin yang bekerja di ladang-ladang dan 25% daripada orang-orang Cina diistilahkan sebagai miskin dan mereka ini tinggal di kampung-kampung baru. Jadi dalam masa kita memberikan peruntukan pembangunan kepada kawasan luar bandar adakah kita juga berkehendak memberikan peruntukan ini mengistilahkan kepada peratus-peratus yang telah saya sebutkan tadi, iaitu misalnya sekurang-kurangnya 50% diberikan kepada orang Melayu memandangkan 65% daripada

orang-orang Melayu yang tinggal di luar bandar diistilahkan sebagai miskin mengikut Laporan Ekonomi tahun ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak. Bila kita mengatasi masalah kemiskinan ini, kita tidak ada memperbeza-bezakan antara satu sama lain.

JABATAN IMIGRESEN KUALA LUMPUR

8. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat beribu orang yang terpaksa beratur di Jabatan Imigresen Kuala Lumpur disebabkan ketiadaan pegawai-pegawai terlatih yang cekap dan mahir untuk mengendalikan permohonan. Adakah beliau akan menimbangkan untuk menukarkan struktur jabatan itu agar dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang pantas, cekap, berdedikasi dan taat pada kerja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon tidak menjawab soalan ini, sebab saya sudah jawab pada 8hb Oktober.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, satu soal sudah dapat jawapan tetapi ada juga ramai orang berdiri di depan Pejabat Imigresen. Bolehkah kita tahu macam mana Kerajaan fikir akan selesaikan kesusahan rakyat di Pejabat Imigresen, barangkali daripada pagi sampai petang ada juga rakyat tunggu tidak boleh selesaikan apa-apa hal yang mereka ada.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan itu sudah ada juga terkandung dalam jawapan tempoh hari, Yang Berhormat tidak hadir pada hari itu.

KLINIK LUAR BANDAR DI SARAWAK

9. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk membina lebih banyak klinik-klinik desa di kawasan-kawasan luar bandar Sarawak untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang ada rancangan-rancangan untuk membina lebih banyak lagi klinik-klinik untuk menampung keperluan rakyat di kawasan luar bandar di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat. Pada masa ini Kementerian Kesihatan sedang menjalankan kajian di atas keperluan tempatan bagi menentukan projek-projek tersebut.

MUATAN LORI—KENYATAAN

10. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang pengumuman yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal) bahawa muatan lori akan ditambah sebanyak 30%; jika ya, samada beliau sedar bahawa dalam konteks keselamatan jalanraya, pengumuman Timbalan Menteri Pengangkutan itu adalah didapati bertentangan dengan jawapan beliau dalam Parlimen pada 19-6-79 bahawa "Jabatan Pengangkutan Jalan menganggap muatan lebih menjadi satu punca utama kemalangan jalanraya". Apakah kedudukan sebenarnya Kementerian Pengangkutan. Muatan lori akan ditambah tanpa mengindahkan keselamatan jalanraya atau muatan lori tak akan ditambah atas sebab keselamatan jalanraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian, Timbalan Menteri Pengangkutan yang berkenaan tidak pernah mengatakan bahawa muatan lori akan ditambah sebanyak 30%. Oleh yang demikian, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit.

HARGA MINYAK

11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kerajaan terlalu tunduk terhadap tekanan pengusaha-pengusaha minyak petrol di negara ini sehingga dalam setengah tahun yang pertama Kerajaan terpaksa menaikkan dua kali harga minyak dan adakah Kerajaan bercadang akan menaikkan lagi buat kali yang ketiga dan jaminan diberi bahawa bekalan minyak disel akan tetap terkawal.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan terhadap soalan yang serupa, iaitu mengenai minyak, telah pun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 17-10-1979. Saya tidak ada apa-apa tambahan di atas jawapan yang telah diberi itu.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh hari itu Yang Berhormat ada memberitahu Kerajaan tidak boleh memberikan satu jaminan bahawa harga tidak akan dinaikkan lagi memandangkan OPEC akan menaikkan harganya. Maka adakah Kerajaan Malaysia akan memohon menjadi sebagai ahli dalam OPEC itu supaya ini akan merupakan satu langkah yang paling berkesan untuk menjamin harga keluaran minyak tidak akan naik di Malaysia lagi.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar ahli apa?

Tuan Yang di-Pertua: Dari Kota Melaka!

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Bukan, ahli yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Chan Teck Chan: O-P-E-C-OPEC.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan OPEL—OPEC!

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menjadi ahli OPEC; lagipun pengeluaran minyak daripada negara kita ini adalah sedikit sahaja jika dibandingkan dengan keluaran negara-negara yang berkenaan. Oleh itu, kita ingin melihat kemajuan yang dicapai oleh OPEC sendiri dan akan membuat ketetapan di masa-masa yang akan datang. Jadi setakat ini kita belum bercadang, kita ingin "independent" dahulu.

FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

12. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah bersetuju untuk terus membina sebuah Fakulti Perubatan di Kelantan sungguhpun tidak

ada kemudahan-kemudahan "back-up" di negeri tersebut serta juga tidak ujudnya sekarang kemudahan-kemudahan mengadakan hospital pengajian; nyatakan sama ada Kerajaan sedia menukar cadangannya itu dan membina sebuah Fakulti Perubatan di Melaka, Ipoh atau Johor Bahru di mana terdapat kemudahan "back-up".

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya telahpun bersetuju untuk membina sebuah Fakulti Perubatan bagi Universiti Sains Malaysia di Kota Bharu, Kelantan. Selaras dengan keputusan ini, Kerajaan juga telah menetapkan supaya pengajian pada peringkat pra-klinikal dimulakan daripada sidang Akademik 1981/82 di kampus Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, manakala pengajian pada peringkat klinikal akan dilaksanakan di Kota Bharu mulai daripada sidang Akademik 1983/84. Keputusan ini dibuat adalah berdasarkan atas faktor-faktor berikut:

- (a) Ianya dengan secara tidak langsung membawa kemudahan ke kawasan yang lama tertinggal terutama di pantai timur. Ini bermakna Kerajaan tidak hanya menumpukan penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi di kawasan yang maju sahaja.
- (b) Memberi peluang untuk mendedahkan penduduk luar bandar kepada pendidikan perubatan moden.
- (c) Untuk memperseimbangkan penempatan pusat-pusat pengajian pelajaran tinggi di antara kawasan pantai Barat dan Timur di Semenanjung Malaysia;
- (d) Penubuhan Pusat Pengajian Perubatan di kawasan yang kurang maju akan membolehkan ianya dijadikan satu pusat penyelidikan bagi wilayah tersebut dalam perkembangan perkhidmatan kesihatan dan perubatan secara menyeluruh.

Kerajaan sebenarnya sedar bahawa pada masa ini kemudahan-kemudahan yang terdapat di negeri Kelantan khususnya di Kota Bharu adalah tidak setanding dengan apa yang terdapat di kawasan Pantai Barat. Walaupun kemudahan-kemudahan yang sedia ada tidaklah lengkap untuk maksud pengajian sepertimana yang diperlukan oleh sebuah pusat pengajian Perubatan, tetapi sebarang kekurangan berhubung dengan kemudahan dan kelengkapan itu nanti, akan diatasi.

MINYAK TANAH—KEKURANGAN

13. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengedar ada memainkan peranan untuk menyulitkan lagi masalah kekurangan minyak tanah dan jika ya, sama ada beliau bercadang untuk mengarahkan PERNAS Edar untuk memainkan peranan yang lebih aktif lagi bagi mengatasi masalah ini sebagaimana peranan yang telah dimainkan oleh PETRONAS dalam mengatasi masalah kekurangan minyak disel.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, buat ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengarahkan PERNAS Edar memainkan peranan di lapangan pengedaran minyak tanah. Ini adalah disebabkan PETRONAS telahpun memulakan pemasaran minyak tanah secara runcit di beberapa tempat dalam Negara ini dan berupaya menyelesaikan masalah kekurangan minyak tanah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna. Tindakan yang diambil oleh Kementerian saya dan peranan yang dimainkan oleh PETRONAS adalah memadai bagi menyelesaikan masalah minyak tanah dalam Negara pada masa ini.

PENDATANG HARAM VIETNAM— TUDUHAN ROGOL

14. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada siasatan telah dijalankan ke dalam tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pelarian-pelarian perempuan Vietnam yang mereka telah dirogol oleh anggota pasukan keselamatan Malaysia; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah peristiwa seumpama itu daripada berlaku di masa-masa akan datang supaya menentukan nama baik dan imej Malaysia tidak dicemarkan dalam mata dunia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb Julai, 1979 satu berita tersiar dalam satu akhbar Singapura yang membuat tuduhan iaitu beberapa pendatang haram Vietnam yang tiba di Singapura pada 8hb Julai, 1978 dengan kapal French Hospital Boat *Ile De Lumiere* kononnya mereka ini didapati ada yang kena rogol atau diperkosai. Dengan serta-merta saya hantar pegawai daripada

Malaysia berjumpa dengan pegawai Polis Singapura meminta kerjasama di dalam hal ini dan terus membuat penyiasatan dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Singapura yang memberi kerjasama yang penuh dalam hal ini dan juga kepada Kaptan kapal *Ile De Lumiere* yang juga membuat kerjasama yang penuh. Di dalam penyiasatan itu tidak ada siapa pun yang hendak datang yang benar-benar hendak memberi cerita. Beberapa hari penyiasatan ini dibuat, ditanya, disoal dan sebagainya yang boleh betul-betul kita memegang cerita itu sebagai bukti untuk dibawa penjenayah itu ke mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, saya geram betul

Tuan Yang di-Pertua: Geram kepada siapa ini? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Geram. Tetapi yang termuncul di dalam cerita-cerita ini banyak iaitu ada pemeraan di antara penjaga-penjaga ini yang kadang-kadang terlanjur menjadi perasmaraan. Sekarang kita sudah sekat ini semua dan tidak ada lagi berlaku.

MENARIK BALIK SOALAN NO. 15

Tuan Yang di-Pertua: Saya baru dapat surat pagi ini iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai menarik balik soalan yang ke 15.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Hee Tien Lai.

(*Soalan No. 16 Y.B. Dr Hee Tien Lai tidak hadir.*)

ENCIK KUAY SIN KIAN—LANTIKAN SEBAGAI PENYELIA PEMBANGUNAN KAMPUNG DAERAH DINDING

17. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tujuan dan dalam apa kapasiti Encik Kuay Sin Kian dilantik di dalam Daerah Dindings dan jumlah derma yang diuntukkan kepadanya untuk pembangunan di Daerah semenjak perlantikannya itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Encik Kuay Sin Kian telah dilantik sebagai Penyelia Pembangunan

Kampung dan ditempatkan di Daerah Dindings. Jawatan Penyelia Pembangunan Kampung ini diadakan kerana didapati kurangnya perhubungan di antara Kerajaan dengan penduduk-penduduk Kampung Baru. Dengan itu peranan Penyelia Pembangunan Kampung sebagai orang perantara di antara Jabatan-jabatan Kerajaan dengan penduduk-penduduk Kampung Baru adalah amat penting. Masalah perhubungan di antara Kerajaan dengan penduduk-penduduk Kampung Baru ini adalah amat penting bagi membolehkan Kerajaan memahami tentang keadaan sebenarnya di Kampung-kampung Baru dan juga bagi penduduk-penduduk Kampung Baru mengetahui dan memahami dasar-dasar Kerajaan dengan lebih terang dan jelas. Penyelia-penyelia Pembangunan Kampung tidak diuntukkan apa-apa peruntukan bagi melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Mereka hanya dikehendaki melaksanakan projek yang telah diluluskan bersama-sama dengan Pegawai Daerah di samping menjalankan tugas-tugas lain seperti yang disebutkan di atas.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada apakah Penyelia Pembangunan Kampung hanya dilantik bagi Daerah Dindings sahaja dan tidak bagi daerah-daerah lain juga.

Dato Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, Penyelia Pembangunan Kampung iaitu Encik Kuay Sin Kian dilantik untuk Daerah Dindings dan ada lain-lain penyelia dilantik untuk daerah lain.

LAPORAN GABUNGAN AMNESTY INTERNATIONAL

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada laporan mengenai Hak-hak Manusia di Malaysia oleh Gabungan Amnesty International yang telah memenangi Hadiah Kedamaian Nobel telah diharamkan kerana laporan tersebut adalah benar pada keseluruhannya ataupun kerana laporan tersebut adalah tidak benar, sama ada Kerajaan bercadang mengeluarkan Kertas Putih untuk membetulkan laporan Gabungan Amnesty International itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih

mengenai perkara ini dan mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 23 (1), saya mohon izin untuk tidak menjawab bahagian pertama pada soalan ini dan juga mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (4), saya mohon tidak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 23 (4) ini bagi kepentingan orang ramai Yang Berhormat Menteri boleh tidak menjawab dengan izin Yang di-Pertua. Saya izinkan.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Saya hendak bertanya sama ada tidak lebih tepat sebelum seseorang Yang Berhormat Menteri mengenai fasal itu atas kepentingan negara satu soalan tidak patut dijawab, bahawa sebab-sebab ditunjuk bukan sahaja sebagai satu carte blanche apabila seseorang Menteri berdiri atas kepentingan orang ramai atau atas kepentingan negara bahawa soalan itu tidak payah dijawab maka tidak payah dijawab. Mesti ada kuasa di mana Yang di-Pertua boleh menggunakan budibicara untuk menentukan dan bukan semacam satu arahan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (4) kalau Yang di-Pertua puas hati kerana kepentingan orang ramai. Saya pun buat homework saya sebelum datang ke mari. Dan kalau jawab Menteri atas kepentingan orang ramai, saya setuju dan tidak boleh dibahaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bahaskan, tetapi saya hendak bertanya sahaja sama ada Yang Berhormat Menteri memberi sebab-sebab yang memuaskan kepada Yang di-Pertua supaya Yang di-Pertua boleh menentukan sama ada permintaan itu tepat, patut atau satu cubaan untuk elak daripada jawapan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu satu daripada jalan jugalah.

ZON PERDAGANGAN BEBAS DI PULAU PINANG—PENUBUHAN

19. Tuan Lee Kew (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang untuk menubuhkan kawasan-kawasan Perdagangan Bebas di Pulau Pinang terutama sekali di kawasan Weld Quay.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pulau Pinang sudahpun ada 3 Zon Perdagangan Bebas sekarang ini iaitu di Bayan Lepas, di Prai dan di Dermaga Prai. Kawasan-kawasan tersebut diguna untuk usaha-usaha mengilang barangan-barangan eksport. Bagi maksud Perdagangan Bebas, Kerajaan telahpun membenarkan beberapa buah kedai bebas cukai ditubuhkan di Pulau

Pinang manakala di dalam ucapan Belanjawan minggu lalu Kerajaan telah mencadangkan supaya kemudahan gudang berlesen diperluaskan dengan tujuan untuk membolehkan banyak lagi barangan diimport secara besar-besaran dan kemudiannya didagang semula keluar negeri ataupun di pasaran tempatan. Oleh itu, setakat ini tidaklah perlu bagi Kerajaan menambahkan lagi Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang.

PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN

20. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut mengikut kaum termasuk Kadazan dan Dayak yang masuk setiap lima buah Universiti tempatan bagi tahun pengajian 1979-1978; dan
- (b) sama ada quota berkaitan dengan pengambilan penuntut dari Sabah dan Sarawak akan ditambah di masa hadapan, jika ya, berapa peratuskah tambahannya.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, (a) Bilangan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan bagi tahun pengajian 1979/80 adalah seperti berikut:

<i>Universiti</i>	<i>Bumiputra</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
UM	1,063	847	159	32	2,101
UKM	1,260	208	58	11	1,537
USM	461	354	84	7	906
UPM	428	71	17	2	518
UTM	172	22	8	1	203
Jumlah ...	3,384	1,502	326	53	5,265

Saya dukacita tidak dapat memberi angka ini mengikut keturunan seperti Kadazan dan Dayak oleh sebab semua daripada mereka ini termasuk di dalam kategori bumiputra sesuai dengan konsep menganalisa mengikut Dasar Ekonomi Baru.

(b) Dalam melaksanakan dasar pengambilan ke universiti-universiti tempatan, Kementerian saya tidak mengenakan apa-apa quota mengikut mana-mana negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, sebagai amalan biasa pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak memang diberi perhatian dan keistimewaan khas memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan pelajaran di kedua-dua buah negeri itu masih tertinggal menyebabkan calon-calon mendapat kelulusan yang lebih rendah tetapi minima kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri baru-baru ini ada memberi satu jaminan di Sarawak bahawa semua pelajar-pelajar dari Sarawak yang mendapat sijil penuh HSC akan mendapat tempat dalam universiti tempatan, bilakah jaminan itu akan dilaksanakan?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada jawapan saya tadi,

memanglah benar bahawa semua pelajar-pelajar dari Sarawak dan Sabah yang ada kelulusan minima masuk ke universiti akan diterima, tetapi dari segi pengambilannya terpulanglah kepada asas saluran mana ataupun fakulti mana yang dikehendaki oleh mereka. Ini ada faktor-faktor lain yang harus dipertimbangkan sebelum seseorang itu dapat diterima dengan seratus peratus ketentuan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah mengenai bilangan penuntut mengikut kaum termasuk Kadazan dan Dayak. Saya ingin tahu samada benar atau tidak bahawa pihak Kerajaan telah menggunakan istilah bumiputra untuk political conveniencenya. Saya ingin tahu juga daripada Yang Berhormat Menteri samada benar bahawa di Sarawak dan Sabah bumiputra di bahagikan kepada bumiputra Melayu dan bumiputra bukan Melayu. Sekiranya benar, mengapakah di sini pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran enggan memberi angka-angka untuk penuntut-penuntut, Kadazan, Dayak, Bidayuh dan lain-lain?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu freshy di dalam Parlimen dan hubungannya dengan soal berkaitan dengan pentadbiran dan dasar Kerajaan.

Istilah bumiputra dan bukan bumiputra tidak ada political connotation langsung, malahan ianya ialah merupakan asas penggabalan Dasar Ekonomi Baru. Barangkali agaknya beliau tidak tahu sejarah penggabalan Dasar Ekonomi Baru, tetapi saya sukalah menyatakan di sini bahawa tidak benar langsung ada political motivation atas penggunaan bumiputra dan bukan bumiputra, malahan perbincangan atau penggunaan istilah ini telah begitu lama berlaku dan begitu hebat diperbincangkan sewaktu Ahli Yang Berhormat itu belum agaknya berkecimpung di peringkat politik nasional.

Dari segi soalnya yang kedua yang menyatakan bahawa di Sarawak dan di Sabah, terutama sekali di Sarawak Kerajaan yang memecah-mecahkan bumiputra di bawah kategori-kategori yang tertentu. Setahu saya kalaulah hendak dicari pihak yang mana yang menggunakan perpecahan itu untuk kepentingan politiknya, tidak ada contoh yang terbaik sekali boleh didapati kalau kita kaji dari segi taktik-taktik perjalanan parti politik DAP di waktu pilihanraya di Sarawak (*Tepuk*) baru-baru ini, terutama sekali, tetapi al-hamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, kalah juga mereka di dalam pilihanraya di Sarawak (*Tepuk*).

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan bahawa calon-calon dari Sabah dan Sarawak sekiranya mempunyai kelayakan minima dan bersesuaian pula dengan kursus-kursus yang

dipohon akan diberi pertimbangan yang istimewa. Saya ingin mendapat tahu samada Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa syarat-syarat minima ini tidak semestinya seseorang calon itu mendapat sijil penuh dalam STP/HSC?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, benar itulah sebabnya bunyi jawapan saya berlainan daripada soalan asal.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu di dalam Dewan ini bahawa memandangkan satu jurang yang luas di antara bumiputra dan kaum Cina di atas pengambilan pelajar-pelajar ke universiti tempatan, maka bilakah formula baru untuk pengambilan pelajar ini akan diterapkan untuk memperimbangan jurang yang begitu luas di antara kaum bumiputra dan kaum bukan Melayu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu terkeluar daripada soalan asal. Soalan asal mengenai bilangan penuntut mengikut kaum termasuk Kadazan dan Dayak.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu ada menyoal berkenaan dengan ini.

RAJESWARY a/p VYTHANATHAN— KEHILANGAN DUA BELAH TANGAN

21. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Cik Rajeswary Vythanathan hilang kedua belah tangannya semasa kecauan Mei 1969. Adakah benar bahawa orang yang mengeratkan tangan beliau itu masih lagi bekerja di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Apakah tindakan yang telah beliau ambil untuk menangkap orang yang telah melakukan jenayah itu. Adakah Kerajaan menimbangkan supaya menghantar Cik Rajeswary Vythanathan keluar negeri untuk dipasangkan tangan palsu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pada 29-6-69 seorang anggota Polis telah membuat laporan di Balai Polis Jalan Campbell bahawa seorang kanak-kanak bernama Rajeswary a/p Vythanathan berumur kira-kira 4 tahun telah kehilangan kedua belah tangannya sebagai mangsa kecauan yang mula meletus pada 13-5-1969. Orang atau orang-orang yang bertanggungjawab di atas kejadian malang itu tidak diketahui dan belum dapat dikesan.

Sekiranya benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Damansara bahawa orang yang bertanggungjawab itu masih lagi bekerja di Hospital Besar, Kuala Lumpur, saya berharap Yang Berhormat dapat menghubungi pihak Polis untuk membuat kenyataan seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Acara Jenayah.

Yang Berhormat dari Damansara telah menjadi Ahli Parlimen yang mulia ini dari tahun 1969 hingga ke 1974 hilang dia sekejap dan kembali pula ke Dewan ini mulai pada 1978. Saya tidak faham mengapa hanya baru hari ini Yang Berhormat mengaku dia kenal dengan penjenayah itu dan tidak pula dengan segera membawa perkara ini mengikut Peraturan Jenayah. Sebaliknya kejadian malang ini, dijadikan isu untuk berpolitik di Parlimen. Cara Yang Berhormat itu nampaknya tidak membantu kerana kalau benar bahawa penjenayah itu boleh dikesan tentulah dia sekarang mendapat kesempatan apabila dia mendengar dalam radio ataupun surat-surat-khabar bahawa dia telah dicam, dia dapatlah kesempatan untuk melarikan diri atau bersedia mengelakkan tangkapan dan tuduhan.

Berkenaan dengan bantuan Kerajaan pada 1-12-1969, melalui Kementerian Kebajikan Am, Kerajaan telah menghulurkan bantuan pampasan sebanyak \$2,000 kepada penama, \$2,000 lagi kepada kakaknya bernama Mal-lingah dan \$500 kepada abangnya bernama Thilligah yang juga telah menjadi mangsa kekacauan tersebut.

Berkenaan dengan tangan palsu, setahun selepas kejadian itu, penama telah menerima dengan percuma tangan palsu bagi kedua-dua belah tangannya. Sehingga hari ini pihak Cik Rajeswary tidak pernah membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan sungguhpun Kerajaan mendengar khabar pada masa ini bahawa satu Persatuan telah berusaha untuk mengumpul wang bagi membantu Cik Rajeswary untuk mendapatkan sepasang lagi tangan palsu. Khabarnya akan dibeli di India.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang pertama, itu bukan kerja saya, tetapi kerja polis untuk menyasat kalau ada satu komplek. Saya telah mendengar daripada bapa Rajeswary apabila beliau kehilangan kedua belah tangannya pada tahun 1969, beliau dapat mengecam siapa yang memotong tangannya, tetapi polis tidak ada mengambil tindakan ketika membuat penyiasatan.

Kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan V. David: Soalan tambahannya, saya mahu tahu macam mana polis membuat siasatan dan apakah laporannya setelah selesai menyasat perkara ini.

Kedua, budak ini mendapat bantuan daripada lain-lain persatuan tetapi kenapa Kerajaan tidak memberi bantuan penuh untuk membeli tangan artificial untuk dihantar keluar negeri, adakah Kerajaan tidak ada wang? Pada masa 13hb Mei, 1969 dahulu ada satu kumpulan wang untuk menolong siapa-siapa yang susah bagi mendapatkan bantuan daripada badan ini tetapi mengapakah badan ini tidak memberi bantuan kepada budak ini untuk dihantar keluar negeri bagi memasang tangan artificial.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi Kerajaan telah memberi bantuan dan sudah beri tangan palsu, tetapi hendak tangan yang diimport itu, itu soal lain. Tetapi kata beliau support local product, tangan palsu pula disuruh beli daripada luar, jadi bantuan itu sudah ada.

Soal penjenayah, ini soal Criminal Procedure Code, undang-undang tidak akan lupa kepada si penjenayah, bantulah sedikit, tolonglah beritahu siapa penjahat ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar atau tidak Rajeswary ini ialah seorang penduduk di dalam kawasan Kepong dan juga Barisan Nasional di kawasan Kepong telah ada memberi bantuan kepada Rajeswary, sekarang Rajeswary telah berlepas dari Malaysia kita ini dan berada di India untuk mendapat rawatan dari sebuah hospital yang persatuan ini sendiri memilikinya. Perkara ini adakah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar, dan saya sebagai Ahli Parlimen juga telah berhubung dengan Kementerian Kebajikan Am dan mereka sedang mengkaji macam mana bantuan boleh diberi kepada dia selepas Rajeswary kembali ke tanahair kita ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi, saya sedar, tetapi oleh kerana ini adalah sumbangan daripada Barisan

Nasional sebagai parti, bukan sebagai Kerajaan, saya hanya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong (*Tepuk*) dan juga segala usaha untuk berjumpa dengan Kementerian Kebajikan Am untuk memberi bantuan tambahan kepada penama.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 22 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

PENDIDIKAN PRA SEKOLAH

16. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah terdapat sebarang rancangan bagi memasukkan pendidikan sebelum persekolahan di dalam sistem persekolahan biasa; jika tidak, mengapa.

Dato' Musa bin Hitam: Buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk menjadikan pendidikan pra sekolah sebahagian dari sistem persekolahan formal di negara ini. Ini ialah kerana memandangkan adanya beberapa masalah pelajaran yang lebih mendesak yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu.

Jangkamasa selama enam tahun yang diperuntukkan sekarang bagi sekolah rendah adalah mencukupi dan apa yang dilakukan oleh Kementerian saya sekarang ialah memperkemas segala program dan kegiatannya untuk menghasilkan mutu pendidikan yang tinggi bagi peringkat ini.

BIASISWA KEPADA PENUNTUT PENGAJIAN UGAMA ISLAM

22. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan dalam usahanya untuk membanyakkan dan meluaskan bidang pembangunan rohani supaya Dasar Ekonomi Baru mencapai kejayaan yang sebenar-benarnya berapa peratuskah dari jumlah biasiswa yang diperuntukkan kepada penuntut-penuntut dalam pengajian UGAMA Islam daripada jumlah yang diberikan kepada penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberi 1.8 peratus

biasiswa kepada penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Islam di luar negeri. Selain dari itu, ramai juga penuntut-penuntut Malaysia yang mengikuti Pengajian Islam di luar negeri yang mendapat Biasiswa dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan dari Kerajaan-kerajaan Negara Asing terutamanya negara-negara Arab di Timur Tengah.

LETRIK KE KAWASAN SETINGGAN

23. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk mengadakan bekalan letrik ke kawasan-kawasan setinggan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bila program ini akan dilaksanakan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Saya perlu memberi sedikit latar belakang sebelum menjawab dengan tepat soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu sebelum daripada Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan dasarnya untuk membekalkan letrik ke kawasan-kawasan setinggan, pembekalan letrik ada juga diberi kepada kawasan-kawasan itu dengan cara "ad-hoc". Untuk mengadakan bekalan letrik kepada kawasan-kawasan itu sebagai satu program Kerajaan akan memerlukan peruntukan yang banyak dan dengan itu Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengemukakan anggaran perbelanjaan sebanyak \$3.5 juta untuk tujuan tersebut kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Negara (NPDC). Program ini akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan tersebut diluluskan.

BILIK DARJAH—KEKURANGAN

24. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang konkrit telah diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah kesesakan, kekurangan bilik darjah dan kekurangan sekolah, khasnya sekolah-sekolah rendah yang beraliran Cina di kawasan bandar, jika tidak, apakah sebabnya.

Dato' Musa bin Hitam: Dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini suka saya menjelaskan bahawa masalah kesesakan, kekurangan bilik darjah dan kekurangan

sekolah bukan sahaja dialami oleh Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tetapi juga dialami oleh Sekolah-sekolah Aliran lain, terutama di bandar. Kementerian saya memandang berat masalah-masalah ini dan langkah bagi membaikinya sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah memberi Bantuan Modal kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dari semasa ke semasa mengikut keadaan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian saya telah memperuntukan sebanyak \$8.5 juta kepada Sekolah-sekolah Bantuan Modal dan \$19.5 juta kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Bantuan Penuh Kerajaan.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

25. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar keputusan peperiksaan Penilaian Darjah Lima 1978 untuk seluruh negara dan untuk setiap negeri menunjukkan taraf pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil adalah terlalu buruk terutama sekali dalam matapelajaran Bahasa Malaysia (kadar kegagalan Kebangsaan: 84.8%), Inggeris I (kadar kegagalan Kebangsaan: 61.5%), Arithmatik (kadar kegagalan: 59.1%) Sains Rampaian (kadar kegagalan: 57.7%), jika ya, apakah rancangan Kerajaan mempunyai untuk meningkatkan taraf pelajaran Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Dato' Musa bin Hitam: Saya sedar bahawa taraf pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil tidak begitu memuaskan dan pihak saya telah mengambil langkah-langkah yang berikut untuk membaiki keadaan-keadaan pengajaran dan kemudahan-kemudahan pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil):

- (i) Menambahkan bilangan guru-guru terlatih yang boleh menguasai dua atau tiga Bahasa, di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

- (ii) Memberi kemudahan-kemudahan kepada guru-guru terlatih di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) untuk mengambil bahagian dalam kursus-kursus dalam perkhidmatan, untuk meninggikan taraf pengajaran.
- (iii) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang kecil di satu kawasan, di beberapa buah negeri, dicantumkan sebagai satu sekolah pusat untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk mencapai taraf yang memuaskan dari segi pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran.
- (iv) Keadaan-keadaan fizikal bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dibaiki dengan cara membina bangunan atau bilik-bilik darjah yang baru, untuk memudahkan pengajaran yang memuaskan.
- (v) Perlaksanaan Rancangan Makanan Tambahan di beberapa buah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di kawasan luar bandar, juga memainkan peranan yang penting untuk meninggikan mutu pembelajaran di kalangan murid-murid.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Racun, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (18hb Oktober, 1979)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (18hb Oktober, 1979)"

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 yang dibacakan kali yang kedua sekarang terbuka untuk perbahasan, demikian juga Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu merujuk Usul yang ada di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini iaitu dibawa kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis juga terbuka untuk perbahasan sekarang. Sila Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Kewangan, telah pada umumnya disambut dengan baik oleh pihak akhbar dan rakyat terutama sekali tambahan kepada pelepasan perseorangan untuk pembayar-pembayar cukai yang sepatutnya patut diadakan lebih dahulu.

Partai DAP telah di dalam Dewan yang mulia ini menggesa berterus-terusan supaya pelepasan cukai perseorangan hendaklah diulang-kaji kerana serangan inflasi dan kehilangan kuasa pembelian ringgit sejak undang-undang cukai pendapatan diperkenalkan dalam tahun empat puluhan telah menjadi pelepasan-pelepasan itu menjadi bahan ketawa! Meskipun pelepasan cukai perseorangan patut diadakan lebih-lebih dahulu, namun kita mestilah memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan kita kerana beliau telah pada akhirnya mengambil ingatan akan bebanan teruk yang dipikul oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan beliau telah mengulang-kaji pelepasan cukai perseorangan dan membawakannya ke satu peringkat yang lebih realistik.

Akan tetapi apa yang kita kurang mengerti ataupun kurang menerima sokongan kita ialah kesungguhan istimewa yang ditunjukkan oleh Menteri Kewangan kepada mereka yang berpendapatan tinggi. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengurangkan beban cukai mereka yang berpendapatan tinggi. Buat masa sekarang, pendapatan yang dikena cukai yang melebihi \$50,000 tetapi tidak melebihi \$75,000 adalah tertakluk kepada kadar cukai sebanyak 50% sedangkan pendapatan yang melebihi \$75,000 adalah tertakluk kepada kadar cukai sebanyak 55%. Sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan bercadang pendapatan yang dikena cukai yang melebihi \$50,000 tetapi tidak melebihi \$75,000 akan tertakluk kepada kadar yang dikurangkan iaitu sebanyak 45% dan untuk pendapatan yang melebihi \$75,000 tetapi tidak melebihi \$100,000 kadarnya ialah 50%. Untuk pendapatan yang melebihi \$100,000 kadarnya ialah 55%.

Sambil mengingatkan bahawa tambahan pelepasan perseorangan akan menguntungkan semua pembayar-pembayar cukai tanpa mengira mana satu golongan pendapatan mereka terdiri, pengkajian semula ke bawah ini iaitu downward revision merupakan suatu hadiah istimewa yang bernilai \$2 juta dari Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada

orang-orang yang berpendapatan tinggi yang mana pendapatan bulanan mereka adalah di antara \$4,500 hingga \$9,000 sebulan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan menyokong hadiah istimewa sebanyak \$2 juta ini kepada kumpulan berpendapatan tinggi atas alasan "memberi dorongan dan galakan kepada usaha tenaga". Jika sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan benar-benar ingin "memberikan dorongan dan galakan kepada usaha tenaga" kepada semua orang, maka beban cukai untuk pembayar-pembayar cukai kumpulan berpendapatan rendah hendaklah diulangkaji ke bawah pada keseluruhannya.

Hadiah sebanyak \$2 juta ini kepada mereka yang terdiri dalam kumpulan pendapatan tinggi tidaklah boleh disokong dan bolehlah dianggap sebagai Yang Berhormat Menteri Kewangan hanya mementingkan kelasnya sendiri. Malahan, jika sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan benar-benar hendak memberikan hadiah sebanyak \$2 juta ini kepada mereka yang berpendapatan di antara \$50,000 hingga \$100,000, maka beliau hendaklah meninggalkan beban cukai ke atas mereka yang memperolehi pendapatan yang melebihi \$100,000 untuk mendapat balik \$2 juta yang hilang.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mempertimbangkan semula hadiah \$2 juta yang diberikan kepada orang-orang yang bergaji tinggi ini, dan meminda cadangannya ketika Rang Undang-undang atas perubahan undang-undang cukai pendapatan di bentangkan di Dewan ini dalam bulan Disember. Yang Berhormat Menteri Kewangan juga perlu mempertimbangkan untuk mengurangkan tanggungan cukai atas golongan yang berpendapatan rendah, kerana pengurangan cukai ini akan membawakan faedah kepada semua orang, termasuk golongan yang berpendapatan tinggi. Yang Berhormat Menteri Kewangan juga hendaklah menimbang untuk menaikkan cukai atas pendapatan golongan yang bergaji melebihi \$100,000 atau lebih supaya undang-undang cukai pendapatan di Malaysia akan dapat dijadikan lebih progresif dan berpatutan.

Tanda-tanda regresif atas perubahan penyusunan semula cukai pendapatan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini boleh diperlihatkan dalam jadual seperti yang berikut, yang memper-

tunjukkan satu perbandingan tanggungan cukai persendirian dan isterinya pada kadar pelepasan sekarang dan yang dicadangkan:

<i>Cukai yang dibayar (\$)</i>			
<i>Pendapatan</i>	<i>Sekarang</i>	<i>Dicadangkan</i>	<i>Cukai dijimati oleh pembayar</i>
5,000	tiada	tiada	tiada
10,000	345	120	225
20,000	2,085	1,560	525
30,000	4,885	4,110	775
50,000	12,410	11,410	1,000
75,000	24,550	22,400	2,150
100,000	39,710	35,710	3,300

Tuan Yang di-Pertua, prinsip pencuciaan yang progresif ialah untuk memperuntukkan supaya golongan yang berada dan berpendapatan tinggi menanggung cukai yang lebih berat dan tinggi sebagai cara yang berkesan untuk membahagikan kekayaan dan pendapatan yang lebih adil. Jika sekiranya prinsip ini diamalkan atau diterapkan dalam perubahan cukai pendapatan yang dicadangkan ini, maka mereka yang memperolehi pendapatan yang tinggi ini seharusnya menikmati kurang faedah daripada yang dinikmati oleh golongan yang berpendapatan rendah.

Tetapi, keadaan yang sebenarnya bukanlah begini. Oleh yang demikian, seseorang yang berpendapatan \$10,000 hanya menjimat cukai \$225 sahaja, tetapi mereka yang berpendapatan 10 kali ganda yang memperolehi pendapatan \$100,000 dapat jimat \$3,330 iaitu 15 kali ganda lebih daripada orang yang berpendapatan \$10,000. Ini menunjukkan bahawa orang yang berpendapatan tinggi menikmati lebih banyak faedah daripada orang-orang yang berpendapatan rendah dalam perubahan cukai ini.

Jelaslah bahawa amalan ini adalah sangat-sangat bertentangan dengan matlamat Kerajaan yang kononnya mahu menutupi lompong di antara yang berada dengan yang tidak berada.

Cuba bandingkan hadiah \$2 juta kepada mereka yang berpendapatan tinggi dengan tambahan elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri yang dijadikan empat kali ganda. Di bawah Belanjawan tahun 1980 ini, elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri akan dijadikan empat kali ganda yang hanya akan bermakna kita rugi hanya \$1 juta dalam perubahan ini.

Terlebih dahulu, biarlah saya menyatakan di sini bahawa sungguhpun pelepasan perseorangan dan isterinya telah dinaikkan, bersama-sama dengan pelepasan tanggungan \$1,000 yang paling mengeciwakan ialah pelepasan bagi anak-anak tidak dinaikkan ke satu paras yang realistik.

Pelepasan bagi anak-anak sekarang ialah:

Anak pertama	\$800
Anak kedua	\$700
Anak ketiga	\$600
Anak keempat	\$500
Anak kelima	\$400

Semasa Parlimen membahaskan Belanjawan tahun 1975 pada 20hb November, 1974, saya telah mencadangkan supaya pengecualian cukai untuk anak-anak ditingkatkan terutama sekali untuk menguntungkan anak-anak yang terdiri dari kumpulan berpendapatan rendah, dan saya telah mencadangkan supaya pengecualian cukai sebanyak \$1,500 diberikan untuk anak pertama, \$1,000 untuk anak kedua dan ketiga, \$600 untuk anak keempat dan kelima dan saya kemukakan cadangan-cadangan ini sekali lagi untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Perbelanjaan untuk pelajaran merupakan kini salah satu tanggungan kewangan yang besar untuk pembayar-pembayar cukai terutama sekali untuk membiayai perbelanjaan pelajaran anak-anak mereka di luar negeri disebabkan kerana kurangnya tempat untuk pelajaran peringkat universiti dan lepas sekolah menengah di negara ini.

Satu rencana yang disiarkan semalam oleh akhbar *New Sunday Times* telah memberikan anggaran kos untuk pelajaran tinggi di luar negeri untuk setiap tahun untuk seorang pelajar Malaysia dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bacakan:

Negeri	Universiti/ Kolej	Lepasan Ijazah
Australia	...	\$12,000
Britain	...	12,500
Kanada	...	9,000
India	...	1,800
New Zealand	...	8,000
Singapura	...	2,400
Amerika Syarikat	15,400	18,000
Malaysia	...	2,400

Saya juga fahamkan anggaran kos perbelanjaan untuk seorang pelajar yang belajar di Taiwan ialah sebanyak lebih kurang \$8,000 setahun.

Pelajaran merupakan satu pelaburan manusia (human investment) yang akan membawa ke arah daya pengeluaran kebangsaan yang lebih dan juga akan menjadi determinant utama dalam pertumbuhan. Lebih-lebih lagi, dengan menafikan rakyat cara-cara melalui pelajaran untuk memajukan potensi manusia yang penuh hanya akan menyebabkan rasa kekeciwaan peribadi, rasa tidak gembira bahkan juga akan mengakibatkan perpecahan negara.

Pelaburan seorang warganegara dalam pendidikan anak-anaknya bukan sahaja merupakan satu pelaburan peribadi sahaja bahkan juga ia merupakan satu pelaburan ke arah kemajuan dan pembangunan negara.

Oleh demikian, cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya elaun untuk anak-anak yang menerima pelajaran di luar negeri yang mana kini adalah dua kali ganda pelepasan anak-anak dijadikan empat kali ganda adalah terlalu sedikit. Umpamanya, buat masa sekarang pelepasan cukai maximum untuk anak pertama ialah \$800 dan jika angka ini dijadikan empat kali ganda ianya bermakna \$3,200 sahaja dan ini adalah tidak sebanding dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk mendidik anak-anak kita di luar negeri yang sekurang-kurangnya memerlukan di antara \$8,000 hingga \$12,000 setahun kecuali jika mereka menerima pelajaran mereka di Singapura dan India.

Partai saya bercadang demi masa depan anak-anak kita dan juga demi pembangunan ekonomi negara kita, selagi Malaysia tidak dapat memperluaskan tempat-tempat untuk pelajaran tinggi di negeri ini, Kerajaan harus menambahkan elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri kepada \$8,000 hingga \$12,000 setahun tertakluk kepada negara di mana anak-anak berkenaan menerima pelajaran mereka.

Lanjutnya, cara yang ada sekarang yang memberikan elaun untuk anak-anak yang menerima pelajaran di luar negeri sebenarnya mengdiskriminasikan orang-orang berpendapatan rendah yang tidak terperangkap dengan "income tax net". Anak orang-orang yang sungguh miskin yang tidak membayar "income tax" tidak akan mendapat sebarang bantuan Kerajaan dan ini adalah tidak adil sama sekali.

Partai DAP menggesa pihak Kerajaan supaya mengadakan suatu bantuan pelajaran khas untuk membolehkan anak-anak orang-orang yang sungguh miskin yang tidak terperangkap dengan "income tax net" itu supaya mereka boleh menikmati peluang-peluang untuk pelajaran tinggi di luar negeri menerusi satu skim Pinjaman untuk Pelajaran di Luar Negeri supaya tidak seorang pun akan dinafikan pelajaran tinggi, mahupun pelajaran tinggi di luar negeri, disebabkan kerana tidak ada wang.

Di sini saya mahu sebut satu qualification dengan cadangan saya oleh kerana sudah menjadi pengetahuan umum bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ada menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk pelajaran menengah dan rendah. Kita tidak nampak kenapa rakyat di Malaysia harus menyokong atau membantu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menghantar anak-anak mereka ke luar negeri dan mereka menunjukkan bahawa mereka sendiri tidak ada kepercayaan atas sistem pelajaran dalam negara ini dan lagi pun apabila mereka melanjutkan kepada pelajaran tinggi mungkin mereka akan dapat scholarship, biasiswa dan elaun-elaun.

Cadangan saya bahawa elaun untuk anak-anak belajar di luar negeri dinaikkan dari \$8,000 kepada \$12,000 setahun ialah pelajaran universiti dan kolej sahaja dan bukan pelajaran rendah dan menengah dan untuk menentukan bahawa mereka yang kaya tidak patut dapat bantuan ini tentulah mesti ada satu peringkat di mana mereka yang dapat income yang lebih tinggi daripada garisan itu tidak layak untuk menikmati bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata, dengan izin saya sebut satu perenggan:

"3. Saya gembira menyatakan bahawa ekonomi Malaysia telah maju terus dalam beberapa tahun ini meskipun dunia mengalami keadaan ekonomi yang lembab dan sistem kewangan yang kusut. Ini juga adalah suatu bukti yang jelas tentang ketahanan ekonomi kita. Ini juga adalah menjadi bukti kebijaksanaan Kerajaan kita melaksanakan dasar-dasar sosial-ekonomi yang praktikal dan berfaedah, dan tidak kurang pentingnya ialah usaha-usaha yang gigih dan giat yang telah dijalankan oleh segenap sektor dan lapisan masyarakat kita bagi membantu menjayakan kemajuan

ekonomi kita ini, yang pada tahun ini dianggarkan mencapai pertumbuhan lebih 8 peratus."

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh tidak boleh menyembunyikan hakikat yang Malaysia kini hidup "on borrowed time." Selain daripada mem-bangga-banggakan prestasi ekonomi Malaysia kini yang sungguh kukuh itu, kita hendaklah menggunakan kesempatan ini untuk menghadapi masalah-masalah pokok berkait dengan ekonomi dan politik negara kita supaya dapat meletakkan asas yang kukuh untuk mewujudkan sebuah Malaysia yang bersatu padu dan maju, yang boleh tahan lasak segala tekanan dan ujian yang mungkin berlaku dalam sesuatu keadaan kemelesetan ekonomi ataupun "slump."

Pertamanya, kita mestilah mengakui hakikat bahawa kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh ini sebenarnya disebabkan wang minyak yang datangnya secara "on-stream" tak terhenti-henti.

Umpamanya, dalam tahun 1979, Kerajaan dianggarkan memperolehi sejumlah \$1,041 juta cukai secara langsung dari petroliam—\$877 juta daripadanya datangnya dari cukai pendapatan petroliam dan \$164 juta daripada royalti petroliam/penjualan tunai. Tambahan sebanyak \$155 juta dari cukai secara langsung daripada petroliam jika dibandingkan dengan sejumlah \$886 juta yang diperolehi melalui cukai secara langsung dari petroliam dalam tahun 1978 merupakan satu tambahan yang sangat besar. Apabila kita memikirkan bahawa dalam tahun 1971, Kerajaan hanya memperolehi \$20 juta dan dalam tahun 1979, hasil daripada petroliam adalah sebanyak \$1,041 juta, maka barulah kita dapat memahami peranan yang petroliam akan memainkan.

Malahan, dalam tahun 1980, petroliam bukan sahaja akan menggantikan getah sebagai perusahaan yang akan memperolehi pertukaran asing yang terbesar, bahkan juga akan menjadi sumber yang akan membawa hasil yang terbesar kepada Kerajaan. Dalam tahun 1980, jumlah cukai secara langsung daripada petroliam yang akan diperolehi oleh Kerajaan ialah sebanyak \$1,478 juta—\$1,233 juta daripadanya datang dari cukai pendapatan petroliam dan \$245 juta daripadanya datang royalti petroliam/penjualan tunai, dan ini mewakili 13% daripada hasil yang Kerajaan akan perolehi dari semua sumber.

Kerajaan telah menerangkan bahawa kekurangan tenaga diwujudkan akibat keadaan di Iran dan juga kerana kenaikan harga minyak mentah OPEC dan kedua-dua faktor inilah yang mendatangkan pertumbuhan kukuh dalam ertikata nilai eksport untuk petrolium mentah bagi tahun 1979. Dalam enam bulan pertama tahun 1979, volume pengeksportan petrolium mentah adalah sebanyak 40.34 juta tong berbanding dengan 29.56 juta tong yang dieksportkan dalam tempoh yang sama dalam tahun 1978.

Minyak mentah tempatan yang dikeluarkan dalam tahun 1979 ini adalah dianggarkan meningkat 29% ke 280,000 tong setiap hari jika dibandingkan dengan 217,000 tong setiap hari pada tahun 1978. Dengan pengeluaran minyak mentah yang begitu tinggi dalam tahun 1979, Malaysia akan dapat memperolehi keuntungan eksport dari minyak-minyak mentah pada tahun 1979 dengan kadar kenaikan sebanyak 67% lebih daripada tahun 1978 dan mencapai \$3,767 juta. Ini adalah menduduki 18% daripada jumlah eksport pada tahun 1979.

Pada tahun depan, iaitu tahun 1980, pengeluaran minyak mentah adalah dianggarkan meningkatkan lagi dengan sekurang-kurangnya 13% lebih daripada tahun 1979 dengan mencapai 116 juta tong setahun atau 317,000 tong sehari. Jika dikira dengan harga eksport \$25,000 setong, maka harga eksport minyak mentah dalam tahun 1980 ini adalah dianggar sebanyak \$5,400 juta dan menduduki 24% jumlah hasil eksport untuk tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bimbang dan kluatir sekarang ialah sama ada kita menyimpan sumber minyak dengan senonohnya bagi generasi kita yang akan datang dan sama ada kita dengan teliti dan berhati-hati untuk menggunakan hasil dari minyak tersebut. Ini adalah disebabkan bahawa simpanan minyak Malaysia adalah dijangkakan menghabisi dalam tempoh 13 tahun dengan pengeluaran pukul rata sebanyak 200,000 tong sehari. Ini adalah diperakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam Dewan ini pada bulan Oktober yang lepas. Ini adalah bermakna bahawa pengeluaran 317,000 tong minyak yang dijangkakan pada tahun yang depan. Ini adalah bererti bahawa Malaysia akan menghadapi kekurangan bekalan minyak pada pertengahan atau penghujung tahun 80an, nampaknya tempoh ini adalah sangat pendek dan singkat bagi negara dan rakyat kita.

Pengeluaran minyak Indonesia telah kehilangan era dan masa keemasannya, ianya langsung tidak membawakan apa-apa faedah dan keuntungan kepada kehidupan rakyatnya, tapi sebaliknya skandal Pertamina yang terlibat dalam rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kekuasaan dan kewangan telah dilaporkan.

Sebenarnya, banyak lagi contoh yang dapat menunjukkan bahawa banyak lagi negara-negara yang termasyhur dengan pertumbuhan minyaknya telah diakhiri dengan penjahaman minyak bagi rakyatnya. Dan rakyat tidak tahu bahawa mereka dapat satu oil boom atau oil doom. Apakah yang telah kita sumbangkan pertumbuhan dan perkembangan minyak ini kepada rakyat jelata kita, tetapi bukanlah dengan dahsyatnya untuk menekan dan menindas serta memeraskan rakyat kita.

Berbillion-billion ringgit minyak ini adalah memperolehi satu peluang yang baik untuk mengatasi berbagai masalah ketidakadilan dan inequaliti sosial-ekonomi yang ada dalam negara kita, tetapi ianya juga boleh digunakan untuk memperhebatkan ketidakadilan dan inequality sosial-ekonomi tersebut.

Ini adalah sebabnya mengapa begitu mustahak bagi Kerajaan memberikan satu penyata yang sepenuhnya tentang bagaimana wang minyak ini akan dibelanjakan dan juga bagaimana Petronas akan melaksanakan tugas dan amanahnya sebagai sebuah perbadanan minyak kebangsaan. Nampaknya, berbagai kegiatan dan operasi empire Petronas yang berharta berbillion-billion ringgit ini telah dijadikan sebagai empire yang rahsia dan ajaib.

Parlimen sebenarnya yang harus dipertanggungjawabkan terhadap Petronas ini, langsung tidak tahu apa yang sudah dan sedang dibuat oleh Petronas dan juga tidak ada jalan dan cara bagi Parlimen untuk memeriksa dan mencegah Petronas daripada menjadi Bank Rakyat yang kedua, atau lebih dahsyat lagi menjadi Pertamina yang kedua!

Pada hakikatnya, tidak seseorang pun dapat mengetahui sama ada Petronas, sungguhpun sebuah Perbadanan Minyak Nasional, adalah dijalankan sebagai salah sebuah perbadanan Bumiputra di negara kita untuk mencapai matalamat 30% di bawah Dasar Ekonomi Baru yang berkaitan dengan penyertaan kaum Bumiputra di bidang ekonomi atau Petronas adalah sebagai sebuah perbadanan nasional yang hanya semata-mata

menguntungkan kepentingan semua rakyat Malaysia tanpa pengiraan sama ada Melayu atau bukan-Melayu.

Parlimen akan mengabaikan tanggungjawabnya jika Parlimen membenarkan keadaan yang tidak memuaskan sekarang itu terus berlanjutan di mana tidak terdapat apa-apa cara pun untuk menghendaki Petronas memberi satu pengakuan dan saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen mengenai hal ehwal Petronas supaya mengambil inisiatif untuk menentukan terdapat sekatan dan pengawalan Parlimen ke atas aktiviti-aktiviti Petronas.

Satu langkah segera Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus mengambil ialah untuk mengambil langkah-langkah termasuk pindaan-pindaan kepada undang-undang yang sedia wujud untuk menghendaki Petronas membentangkan laporan tahunan kepada Parlimen berkait dengan aktiviti-aktiviti dan operasi-operasinya untuk dibahas dan dilulus.

Nampaknya, Kerajaan bercita-cita untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi berasas kepada eksploitasi sumber-sumber yang "non-renewable". Ini hanya akan mendatangkan malapetaka ekonomi kepada generasi-generasi akan datang. Perkara carigali petroliaam merupakan satu contoh baik. Satu lagi contoh ialah pemusnahan hutan-hutan di mana penubangan pokok-pokok dijalankan secara keterlaluan sekadar dua ekar hutan ditumbang setiap minit dan ini mungkin akan menyebabkan kayu balak kita hilang dari bumi kita dalam masa satu dekad.

Bijih timah juga merupakan satu sumber semulajadi yang cepat "depleting" kerana baru-baru ini Dewan Perlombongan Tanah Melayu telah menyatakan rezab bijih timah yang sedia ada di negara kita akan kehabisan dalam masa 10 tahun jika kadar pengeluaran bijih timah sekarang diteruskan.

Perusahaan getah juga kini menghadapi krisis. Tambahan harga petroliaam dan kesannya ke atas kos pengeluaran getah tiruan sepatutnya membaiki kedudukan saingan getah asli dengan getah tiruan serta menambah keperluan seluruh dunia untuk getah asli. Akan tetapi, untuk tahun depan, kadar eksport getah adalah dianggarkan sama seperti tahun ini sungguhpun jumlah pendapatan dari pengeksportan getah akan mendatangkan hasil sebanyak \$4,092 juta dalam tahun 1980

dan angka ini adalah sebenarnya kurang 417 juta daripada hasil yang diperolehi tahun ini akibat eksport getah. Malahan, ini akan menjadi kali pertama hasil eksport getah merosot dalam tempoh lima tahun ini.

Minyak kelapa sawit dan minyak biji sawit juga menghadapi kesulitan tahun depan jika dipandang dari segi harga. Pengeluaran seluruh dunia minyak biji-bijian dan kelapa kering bagi tahun 1979/80 dianggarkan bertambah sebanyak 10% jika dibanding dengan tahun menuai tahun yang lepas tetapi disebabkan keperluan untuk minyak kelapa sawit dan minyak biji sawit akan merosot harga minyak sawit dan minyak biji sawit dijangka akan terjejas sebanyak 6% dalam tahun 1980.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Masalah-masalah jangka panjang yang dihadapi oleh "export earners" utama Malaysia khususnya sumber-sumber yang "non-renewable" yang mungkin boleh menjejaskan dengan teruknya ekonomi negara kita dalam masa lima, sepuluh atau lima belas tahun nanti hendaklah menjadi ingatan kepada pemimpin-pemimpin negara kita supaya mereka menjaga dengan baik dan rapi sumber-sumber dan pendapatan-pendapatan negara kita dan gunakannya untuk mengujudkan perubahan-perubahan radikal dalam kehidupan rakyat dan bukannya gunakan sumber-sumber dan pendapatan-pendapatan ini untuk hidup dengan mewah, bersikap boros, membazirkan wang dan mencipta suatu regim orang-orang berada yang baru yang menaklukkan orang-orang yang tidak berada.

Ini membawakannya kepada masalah pokok yang kedua di Malaysia yang harus diselesaikan dengan jujur terutama sekali dalam masa terapong atau "buoyant" ekonomi kita. Saya merujuk sekarang kepada jurang yang besar di antara orang-orang yang berada dengan orang-orang yang tidak berada serta juga kepada betapa perlunya pendapatan dan kekayaan dibahagikan semula di negara kita dengan lebih bermakna.

Keluaran GNP yang tinggi tidaklah menunjukkan terdapat kebaikan dalam kebijakan masyarakat kerana GNP yang tinggi mungkin akan bermakna kemewahan untuk segelintir orang dan kemiskinan untuk kebanyakan

orang. GNP yang tinggi mungkin boleh disebabkan kerana pertumbuhan dalam pengeluaran minyak dan hasil serta juga disebabkan pertumbuhan kompleks ketenteraan tanpa mengatasi masalah-masalah berkait dengan kekurangan makanan yang berzat, sakit, buta huruf dan ketiadaan rumah.

Satu ilustrasi yang baik secara gambaran tentang perbezaan dalam pendapatan dan kekayaan yang tidak terjejas dan mungkin disebabkan oleh GNP yang tinggi di negara kita boleh didapati apabila seseorang membaca surat khabar.

Umpamanya, baru-baru ini pihak akhbar telah melaporkan tentang kesulitan yang dihadapi oleh orang-orang yang tidak berumah di Sungei Udang, Kelang, yang didorong kerana desperation telah mengambil alih rumah-rumah kos rendah, serta juga kesengsaraan yang dialami oleh 152 keluarga di Lubok Kundang, 11 batu dari Banting, Selangor, yang mana mereka ini telah memohon bertahun-tahun untuk mendapatkan tanah tetapi tidak berjaya dan disebabkan itu terpaksa menanam tanaman-tanaman mereka secara haram dan akhirnya tanaman-tanaman mereka dimusnahkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Inilah gambar-gambar yang menunjukkan penafian, (deprivation) kesulitan dan kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Akan tetapi bersama cerita-cerita mengenai deprivation dan kesengsaraan manusia, kita juga membaca tentang "pencapaian-pencapaian" di bawah Dasar Ekonomi Baru. Umpamanya baru-baru ini, surat-surat khabar tempatan telah melaporkan bahawa seorang pembuat jam-jam tangan yang berhias dijual dengan permata yang mana pembuat jam-jam tangan tersebut adalah seorang pembuat jam yang termasyur di dunia telah datang ke Malaysia membuka satu cawangan untuk membuka perniagaannya dan beliau telah mengadakan satu pameran di salah sebuah hotel tempatan di mana jam-jam tangan bernilai \$3 juta telah dipamerkan. Menurut satu laporan akhbar tempatan, satu set Patek Phillippe yang termahal sekali untuk lelaki yang mengandungi satu set cuff links, sebentuk cincin dan sebuah jam tangan dihargakan sebanyak \$291,000; sedangkan satu untuk perempuan yang termahal sekali yang mengandungi sepasang subang, jam tangan, cincin dan pendent dihargakan \$249,700. Ini menunjukkan betapa Besar jurang antara berada dan tidak berada di negara kita.

Perbandingan-perbandingan tadi di antara kekayaan yang obscene dan kemiskinan yang desperate mewakili dengan nyata Dasar Ekonomi Baru negara kita.

Satu dekad pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah menunjukkan bahawa dasar tersebut hanya berminat mencipta satu kelas baru kapitalis-kapitalis birokrat Melayu untuk menyaing komprador-komprador/kapitalis-kapitalis China sepertimana diwakili oleh MCA dan dasar tersebut bukannya menghapuskan kemiskinan. Menteri Besar Perak baru-baru ini telah mengatakan dalam bulan Ogos ini bahawa Kerajaan Negeri Perak akan mencipta 2,000 orang jutawan bumiputra di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dan jika kita mengikut tafsiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan ini, mengenai siapakah seorang jutawan, beliau telah menyatakan di dalam Dewan ini pada 15hb Jun bahawa mereka adalah "jutawan-jutawan yang bukan sahaja mempunyai harta benda bernilai sejuta ringgit tetapi mereka adalah orang-orang yang mendapat pendapatan (annual income) sebanyak \$1 juta atau lebih".

Dengan adanya satu Dasar Ekonomi Baru yang rasmi seumpamanya itu yang bertujuan mengujudkan satu kelas istimewa jutawan-jutawan bumiputra, orang-orang yang pada akhirnya akan dikorbankan ialah berjuta-juta orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang miskin.

Oleh kerana adanya falsafah "menjadi kaya dengan cepat" Dasar Ekonomi Baru itu yang bukan sahaja disokong secara rasmi oleh Kerajaan bahkan juga oleh UMNO dalam "semi-UMNO party philosophy" yang disebutkan di dalam buku "Revolusi Mental", terdapat penyelewengan-penyelewangan dan pengkhianatan-pengkhianatan hak-hak dan kepentingan-kepentingan rakyat—sepertimana terbukti dalam skandal Bank Rakyat.

Pengeksploitasi dengan deras sumber-sumber negara yang non-renewable itu serta juga harga tinggi yang barang-barang tersebut memperolehi telah mencipta contoh-contoh tentang pembaziran atau penyalahgunaan wang-wang awam. Ia juga telah menyebabkan perancangan-perancangan yang kurang baik ataupun dalam bahasa Inggeris: shoddy, slipshod planning yang melibatkan kerugian sebanyak beratus-ratus juta ringgit.

Umpamanya, dalam tahun 1974, pihak MISC secara deras dan dengan nasihat yang silap telah memesan lima buah kapal tangki LNG bernilai lebih kurang \$2 billion dari limbongan-limbongan kapal Prancis. Kapal-kapal tersebut yang dikehendaki mengangkut gas cecair asli dari kompleks LNG di Bintulu sepatutnya siap pada akhir tahun ini. Akan tetapi, pengeluaran LNG di Bintulu pada masa sekarang hanya dijangka akan "come-on-stream" pada akhir tahun 1983 ataupun lebih-lebih lambat lagi. Ini jelas akan melibatkan kerugian tahunan berjuta-juta ringgit kerana kapal-kapal tangki berkenaan tidak akan digunakan sehingga tahun 1983 sekurang-kurangnya.

Sekandal \$250 juta Pelabuhan Kuantan ini adalah merupakan satu sekandal yang menarik perhatian. Baik disebabkan oleh kedudukan yang buruk, rekabentuk yang salah, ataupun kelemahan pembinaan, Pelabuhan Kuantan yang terlalu banyak dilaung-laungkan ini telah ditangguhkan pembukaan rasmi sebanyak 5 kali banyaknya. Saya adalah mendapat tahu bahawa pakar-pakar telah merekomen Kemaman di Trengganu sebagai tapak yang paling sesuai di Pantai Timur untuk pembinaan pelabuhan tersebut, tapi disebabkan pertimbangan politik maka keputusannya telah diletakkan di Kuantan.

Tapi, apa yang sangat memeranjatkan kami ialah sikap yang diperlihatkan oleh pemimpin-pemimpin tinggi Kerajaan, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang nampaknya mereka telah berfalsafah bahawa penyelewengan yang berlaku atas projek berjuta-juta ringgit ini adalah merupakan seperkara yang tentu berlaku dan dijangkakan. Pada hakikatnya, ketika melawat Pelabuhan Kuantan dalam bulan Ogos ini, di bawah perhatian awam dan teguran orang ramai mengenai pelabuhan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menuntut bahawa pembinaan pelabuhan Kuantan ini adalah merupakan satu kejayaan yang dicapai kerana "kami telah menjadikan sebuah tapak lumpur sebagai tapak pelabuhan dalam masa 4 tahun ini, yang merupakan seperkara yang tak mustahil berlaku di Pantai Timur pada 20 atau 30 tahun yang lepas".

Apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menyedari ialah jika berlaku pada 20 atau 30 tahun yang lepas, dan Kera-

jaan bersedia untuk melabur sebanyak \$200 atau \$300 juta, pelabuhan yang serupa ini talahpun boleh dibina di Kuantan.

Tapi, apa yang rakyat Malaysia maukan bukanlah pelabuhan \$250 juta yang merupakan sebagai sebuah pelabuhan "white-elephant" sahaja, yang sudah retak sebelum ianya dibuka rasminya, tapi adalah meminta sebuah pelabuhan yang boleh beroperasi dan melihat serta memastikan bahawa setiap ringgit awam yang dibelanjakan ini adalah digunakan dengan senonohnya.

Saya adalah merasa kuatir dan bimbang bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional tersilau oleh berbillion-billion ringgit dari wang minyak dan lain-lain barang eksport, mereka akan terpengaruh fikirannya bahawa pembaziran berjuta-juta ringgit di sini atau membelanjakan berbillion-billion ringgit dengan tidak tentu arah dan tujuan pun tidak dijadikan seperkara yang serious, kerana ini akan membawakan satu konsekuensi buruk terhadap ekonomi negara kita, terutamanya bila simpanan minyak telah kian merosot dan lain-lain hasil dan sumber yang tidak boleh dihidupkan semula, ini akan mengalami kekurangan bekalannya.

Kita terlihat di mana-mana pun perancangan yang salah atau peruntukan yang tidak senonoh dari sumber-sumber yang jarang dijumpai. Sebagai contohnya, lapangan terbang yang termoden di Pulau Pinang ini hanya dapat ditandingi, tidak digunakan oleh lagi satu airport "white elephant" di Senai.

Kesemua ini adalah merupakan ingatan-ingatan bahawa "lebih bukanlah seharusnya baik". Pada peringkat sekarang, satu gerakan secara besar-besaran yang dilancarkan adalah dikenali sebagai "Operasi Isi Penuh" untuk mengisikan kekosongan 40,000 di semua jabatan-jabatan Kerajaan. Tetapi bolehkah rakyat diyakinkan bahawa pemenuhan 40,000 kekosongan ini akan dapat membawakan kemajuan dalam kecekapan, perkhidmatan dan sopan-santun secara kualitatif pada perkhidmatan Kerajaan? Sejak tahun 60an, peluasan Kerajaan dalam bilangan kakitangannya telah menampakkan tanda kemerosotan dalam kecekapannya.

Pada permulaannya, adalah dianggapkan bahawa permohonan kewarganegaraan yang menelan masa 3 tahun adalah tidak patut

dan luar biasanya. Tetapi hari ini, permohonan-permohonan bagi kerakyatan yang memakan masa melebihi 10 tahun tidak diproses. Bila ditanya di Dewan Rakyat ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adalah mengemukakan bahawa kerakyatan adalah merupakan hak keistimewaan dan bukanlah hak (is a privilege and not a right), dan Kerajaan adalah berhak untuk mengambil masa yang sepanjang ia suka. Ini adalah satu nonsense yang mesti ditolak. Kerakyatan sebenar-benarnya satu perkara yang "privilege" tetapi siapa yang memohon adalah satu hak untuk menuntut bahawa permohonannya diproses dengan efficient, dengan licin, dengan cekap. Ini satu hak tidak terbatas kepada seseorang warganegara atau bukan warganegara. Tetapi apa yang sangat malangnya ialah kelambatan dan ketidak-cekapan dalam Dewan ini sudah jadi satu polisi, satu hak, satu privilege.

Sebenarnya kelambatan merupakan ketidakcekan dan salah tadbiran, dan adalah amat sedih apabila tak ada Menteri-menteri bangun di dalam Dewan ini untuk membela perkara kelambatan sebagai satu dasar Kerajaan yang sengaja dan mereka berasa bangga kerana membuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Belanjawan tahun 1980 bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan menahan inflasi, belanjawan tersebut tidak membuat apa-apa untuk menahan harga barang-barang dari melambung naik. Pengecualian perseorangan cukai pendapatan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memulihkan kuasa pembelian ringgit pengguna-pengguna sedikit sebanyak tetapi apakah tindakan yang Kerajaan telah mengambil untuk menahan kadar inflasi dari melambung naik yang sebenarnya akan mengurangkan faedah-faedah sebenar yang diperolehi akibat pengecualian-pengecualian cukai kepada kosong dan akan menambahkan kesulitan yang dialami oleh rakyat miskin kerana mereka mungkin tidak akan memperolehi keuntungan akibat pengecualian yang diperolehi akibat perseorangan.

Malaysia adalah beruntung kerana terdapat pelbagai sumber-sumber semula jadi dan jika sekiranya kita menggunakan dengan baiknya kekayaan kita yang datangnya daripada sumber-sumber alam semula jadi ini untuk menyelesaikan masalah ketidaksamaan kelas dan lebih-lebih lagi meletakkan asas untuk perpaduan negara daripada

kaum-kaum yang berada di Malaysia, mungkin kita tidak akan mempunyai peluang seumpamanya itu untuk menjalankan perubahan-perubahan asas tanpa menanggung terluar banyak kos segi sosial dan kebangsaan.

Kekayaan dan hasil negara hendaklah digunakan untuk menghapuskan perbezaan kelas dan bukannya digunakan untuk menambah lagi jurang perbezaan yang terdapat sekarang.

Sepertimana Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah mengatakan dalam ucapannya, dan saya quote: "Dalam masa tiga bulan lagi kita akan melangkah masuk ke titik permulaan dekad yang akan menentukan nasib negara kita yang muda ini, suatu dekad yang akan menentukan sama ada kita rakyat yang taat setia dari berbagai kaum kelak akan dapat hidup sebagai suatu bangsa yang bersatu padu, seazam dan sepakat melaksanakan cita-cita dan hasrat Ekonomi Baru bagi membina suasana yang perlu yang bakal memajukan negara kita ke arah keseimbangan ekonomi dan kemakmuran; ataupun sebaliknya sama ada kita kelak akan hidup sebagai sebuah masyarakat yang bersengketa sama sendiri, saling tidak bertoleransi sehingga menimbulkan suasana yang tegang dan tidak stabil yang kelak akan menghancurkan segala kehasratan hendak menjadikan Malaysia sebuah negara harapan di dalam mana seluruh warganegara dapat hidup di dalam keadaan keamanan, keharmonian, kemakmuran dan keselamatan."

Dasar Ekonomi Baru telahpun diisytiharkan sebagai mempunyai matlamat untuk mengujudkan perpaduan negara di Malaysia. Selepas satu dekad setelah perlaksanaan dasar tersebut dan menjelang Rancangan Malaysia Keempat, Parti DAP menggesa supaya kelemahan-kelemahan asas dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang memburukkan ketegangan kaum, mengujudkan kepahitan kelas dan melemahkan perpaduan negara dikaji semula dan dibetulkan.

Masalah-masalah berkait dengan polarisasi kelas dan kaum bolehlah diatasi dengan lebih mudah pada masa ekonomi kita kuat dan kukuh, di mana barangan-barangan kita memperolehi harga yang tinggi. Jika sekiranya masalah polarisasi kelas dan kaum dibenarkan menjadi lebih buruk, maka masalah ini bukan sahaja akan menjadi lebih sukar

untuk diselesaikan dalam masa-masa berlakunya krisis ekonomi bahkan juga ianya akan sampai peringkat flashing point dengan kesan-kesan yang sungguh buruk.

Dasar Ekonomi Baru dalam bentuk pelaksanaan yang terdapat sekarang tidak boleh mengurangkan ketidaksaksamaan kelas bahkan juga tidak akan memajukan perpaduan negara. Dasar Ekonomi Baru umpamanya dianggap sebab punca yang mengakibatkan kekurangan tempat untuk pelajaran tinggi bagi pelajar-pelajar bukan Melayu, sama ada di peringkat universiti atau pra universiti. Dasar Ekonomi Baru apabila ianya diisytiharkan satu dekad dahulu telah dikatakan akan bantu orang-orang Melayu catch up dengan kaum-kaum lain terutama sekali dalam bidang pelajaran.

Sekarang nampaknya ianya adalah merupakan satu pelan yang cuba menghalang lain-lain kaum, khususnya di bidang pelajaran. Sebenarnya tidak seorang pun akan menentang golongan tertinggal belakang ini berusaha meningkat naik, tapi adalah tidak adil untuk menghalang progress dan kemajuan sebarang kaum yang terlibat memajukan kebolehnya.

Itulah sebabnya pelajaran, khususnya di bidang pelajaran tinggi, telah menjadi satu isu divisif dan pemecahan di Malaysia, itu-

Pecahan pelajar-pelajar di tempat Form Six bagi tahun 1979 di dalam aliran sains dan sastera ini adalah sangat ternyata.

Semenanjung Malaysia (pelajar yang diambil bagi Form Six tahun 1979).

SAINS:

	<i>Melayu</i>	<i>Cina</i>	<i>Indian</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Aliran Inggeris	4,126 (49.8%)	3,800 (45.8%)	348 (4.2%)	15 (0.2%)	8,289
Aliran Kebangsaan	2,155 (88.4%)	185 (7.7%)	83 (3.4%)	15 (0.6%)	2,438
Jumlah Kecil	6,281 (58.6%)	3,985 (37.1%)	431 (4.0%)	30 (0.3%)	10,727

SASTERA:

Aliran Inggeris	3,525 (55.7%)	2,489 (39.3%)	268 (4.2%)	49 (0.8%)	6,331
Aliran Kebangsaan	2,273 (98.7%)	17 (0.7%)	12 (0.5%)	2 (0.1%)	2,304
Jumlah Kecil	5,798 (67.2%)	2,506 (29%)	280 (3.2%)	51 (0.6%)	8,635
Jumlah Besar	12,079 (62.4%)	6,491 (33.5%)	711 (3.7%)	81 (0.4%)	19,362

lah sebabnya isu ini perlu dilayani dengan segera dan diatasi dengan serta-merta, jika sekiranya ianya bukanlah menjadi sebuah isu yang terbesar untuk menjejaskan perpaduan rakyat.

Kenaikan 2 persen Bukan-Melayu di kelima-lima universiti tempatan pada tahun ini telah membangkitkan kekecewaan dan putus-asa dan ketidak-puasan di kalangan Bukan-Melayu. Kesemua ketidak-puasan dan disenchantments ini telah dipukul hebatnya oleh melambung naiknya kos pelajaran di seberang laut, sepertimana yang dibuktikan oleh kenaikan tidak terhenti-hentinya bayaran tuisi di UK sebanyak 33% pada September 1979 ini dan mungkin ianya akan melambung naik ke 150% pada tahun depan jika Kerajaan Konservatif di England akan mengumumkan bahawa pelajar-pelajar seberang laut perlu membayar kos pelajaran tinggi yang sepenuhnya!

Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberikan janji-janjan pada tahun yang lepas, iaitu untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar bukan-Melayu kelima-lima universiti tempatan tetapi janji itu telah dimungkiri, bukan sahaja dari kemungkiran dalam pelaksanaan penggal akademik tahun ini tapi juga dalam kelas Form Six.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memerhatikan keputusan-keputusan peperiksaan MCE/SPM tahun 1978 untuk sekolah-sekolah yang menerima bantuan penuh Kerajaan angka-angka yang tersebut:

		<i>Jumlah Calun-calun</i>	<i>Gred 1</i>	<i>Gred 2</i>	<i>Gred 3</i>	<i>Gagal</i>
M.C.E.	62,526	11,053 (17.7%)	12,599 (20.1%)	19,108 (30.6%)	19,766 (31.6%)
S.P.M.	53,466	1,198 (2.3%)	4,350 (8.1%)	19,746 (36.9%)	28,172 (52.7%)

Angka-angka tersebut menunjukkan bahawa meskipun Kerajaan memberikan tempat di Tingkatan Enam untuk pelajar-pelajar Melayu yang tidak mempunyai gred satu dalam peperiksaan MCE/SPM dalam rancangan yang kita sokong untuk menambahkan bilangan pelajar-pelajar Melayu di bidang pelajaran tinggi, namun sebilangan besar pelajar-pelajar bukan Melayu yang memperolehi gred satu tidak dapat tempat di Tingkatan Enam.

Umpamanya, dengan ambil kira yang aliran kebangsaan tingkatan enam mempunyai 4,742 tempat untuk pelajaran sains dan sastera dalam tahun 1979, dan dalam peperiksaan SPM tahun lalu (yang mana peperiksaan tersebut menentukan pelajar-pelajar masuk ke Tingkatan Enam), terdapat 1,198 pelajar-pelajar yang mendapat gred satu dan seramai 4,350 pelajar-pelajar yang mendapat gred dua dan ini bermakna hampir semua pelajar-pelajar yang memperolehi gred satu dan gred dua dalam peperiksaan SPM diambil masuk ke dalam tingkatan enam. Kita boleh menganggap demikian kerana ramai pelajar-pelajar Melayu yang telah mengambil peperiksaan MCE/SPM tidak melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tingkatan enam tetapi sebaliknya mereka menyertai kursus-kursus pra universiti di universiti-universiti tempatan di mana universiti-universiti tersebut mengambil pelajar-pelajar untuk menyertai secara langsung dan menyediakan mereka mengikuti kursus-kursus perubatan, kejuruteraan atau lain kursus ijazah ataupun mereka masuk ke dalam MARA ataupun ke dalam kolej-kolej dan institusi-institusi Kerajaan yang lain, ataupun mereka dihantar ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus pra-universiti—dan semua kemudahan ini adalah tertutup bagi pelajar-pelajar bukan Melayu.

Disebaliknya, saya anggarakan sekurang-kurangnya 40% pelajar-pelajar bukan Melayu yang mendapat gred satu tidak dapat tempat di Tingkatan Enam.

Pengurangan tempat untuk pelajaran tinggi bagi pelajar-pelajar bukan Melayu di universiti-universiti tempatan tidak boleh diperbaiki tanpa memperbaiki tempat-tempat di peringkat enam untuk pelajar-pelajar bukan Melayu.

Masalah peluang-peluang pelajaran tinggi untuk rakyat Malaysia dari semua kaum satu masalah yang menjejaskan perpaduan negara dan pembinaan negara. Selagi Kerajaan gagal menyelesaikan masalah kekurangan peluang-peluang pelajaran tinggi, maka perpaduan negara hanya menjadi mimpi mat jenin semata-mata.

Demi kepentingan perpaduan negara untuk menghapuskan sebab-sebab yang mengakibatkan ketidak perpaduan negara, saya dengan ini bercadang dengan sesungguhnya supaya Kerajaan membuat satu Pendirian Dasar untuk menambah tempat-tempat di kelas-kelas Tingkatan Enam supaya semua pelajar-pelajar yang memperolehi gred satu dan mereka yang memperolehi gred dua yang baik diberikan tempat di Tingkatan Enam. Kedua, Kerajaan hendaklah menggunakan wang minyaknya itu untuk menguatkan asas perpaduan negara ini dan dengan membina dua universiti baru supaya dapat menambah secara significant tempat untuk pelajaran tinggi di negara ini untuk pelajar-pelajar kita.

Partai DAP sanggup bekerjasama dengan Kerajaan untuk meluaskan bidang-bidang perpaduan negara dan persefahaman antara kaum kerana sebagai rakyat Malaysia, tanah-air kita adalah Malaysia.

Tetapi kami juga bersedia untuk mengkritik dan menentang dasar-dasar dan langkah-langkah yang boleh menghalang perpaduan negara, perpaduan nasional, kerana kami mahu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih baik, lebih gembira dan lebih bersatu untuk semua warganegara. Janganlah hendaknya oleh kerana itu sesiapa mempersoalkan hak DAP atau mana-mana warganegara untuk mengkritik dan menentang

dasar-dasar Kerajaan di dalam "framework" demokrasi, kalau tidak beliau juga akan dipersoalkan asas Malaysia itu sendiri.

Sekiranya Kerajaan jujur di dalam usaha mewujudkan perpaduan nasional, Kerajaan hendaklah mengeneipkan politik partainya, dan bersikap sebagai Kerajaan kepada seluruh rakyat Malaysia, dan bukanlah sebagai sebuah Kerajaan sebahagian rakyat Malaysia. Misalnya, Kerajaan hendaklah menghentikan diskriminasi antara kawasan Barisan dan kawasan Pembangkang. Untuk bertahun-tahun lamanya, Ahli Parlimen Barisan telah diberikan sebanyak \$100,000 setahun untuk projek-projek pembangunan untuk kawasan pilihanraya mereka, tetapi hak ini dinafikan kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang.

Bagaimana boleh diwujudkan perpaduan nasional sekiranya Kerajaan terus membezakan antara rakyat kerana melaksanakan hak Perlembagaan mereka di dalam memilih Ahli Parlimen yang mereka suka, dan Kerajaan membuat wang awam sebagai wang Partai Barisan. Bagaimana boleh dapat perpaduan nasional apabila disetiap Mesyuarat Perwakilan UMNO, orang-orang Melayu telah dibuat merasakan lebih kemelayuan, sedangkan orang-orang bukan-Melayu dibuat merasakan lebih bukan-Melayu? Bagaimana boleh terjadi perpaduan nasional apabila Kerajaan marah kepada pekerja-pekerja dari semua kaum yang mendapat kelas solidarity dan lebih suka pekerja-pekerja kembali kepada entiti kaumnya, sebagaimana yang terjadi di dalam pertikaian MAS-AEU?

Kini kita berada di ambang 1980an, tetapi persoalan asas ini masih perlu mendapat jawapannya. Apa yang lebih penting, adalah sama ada DEB ini membantukan untuk mendapatkan jawapan dan solution, atau sama ada DEB sedang membuat jawapan dan solution lebih rumit atau mustahil.

Mencari jalan kepada penyelesaian ini adalah menjadikan satu cabaran yang paling besar sekali kepada rakyat Malaysia yang setia dan patriotik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.40 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita telah mendengar ucapan daripada Yang Berhormat

Ketua Pembangkang dalam Dewan ini dan di akhir ucapannya itu beliau telah mengemukakan tiga pertanyaan kepada pihak Kerajaan atau kepada Dewan ini. Pertama, bagaimanakah kita boleh mencapai perpaduan? Kedua, bagaimana kita boleh mewujudkan perpaduan dan ketiga bagaimanakah boleh terjadi perpaduan?

Saya hendak mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengemukakan pertanyaan balas kepada pihak D.A.P. dalam Dewan ini, bukan tiga, tetapi empat pertanyaan balas bersabit dengan masalah perpaduan. Pertama, bagaimanakah perpaduan boleh dicapai kalau D.A.P. sentiasa mengungkit-ungkit usaha-usaha Kerajaan untuk membetulkan jurang perbezaan antara kaum di dalam bidang pelajaran. Kedua, bagaimana perpaduan nasional boleh dicapai kalau D.A.P. terlalu bersikap dengki terhadap usaha-usaha untuk memberi tempat yang lebih besar kepada kaum bumiputra di dalam bidang ekonomi. Ketiga, bagaimana perpaduan boleh dicapai kalau setiap usaha Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu sentiasa dicabar oleh D.A.P.; dan keempat bagaimana perpaduan boleh dicapai kalau di negara kita ini masih ada parti-parti Pembangkang yang tidak bertanggungjawab seperti D.A.P. yang sentiasa menyemai benih

Tuan Chan Teck Chan: (Bangun).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Trengganu duduk dulu.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat dari Ulu Trengganu memberikan contoh-contoh yang konkrit yang boleh menyokong hujah-hujah dan tuduhan-tuduhannya yang pertama, yang kedua, yang ketiga dan yang keempat yang D.A.P. dituduh sebagai parti yang membawakan perpecahan nasional supaya beliau boleh teruskan. Bolehkah beri bukti-buktinya?

Tuan Alias bin Md. Ali: Sebelum saya menjawab pertanyaan itu, izinkanlah saya menghabiskan soalan nombor empat. Tuan Yang di-Pertua, soalan keempat ialah bagaimanakah perpaduan negara boleh dicapai kalau ada parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab seperti D.A.P. yang sentiasa sahaja menyemai benih kebencian antara kaum, sebab antara perpaduan dengan kebencian ini adalah dua perkara yang sama sekali bertentangan.

Jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, tak payah saya menghuraikan satu persatu, kerana kita telah mendengar sekejap tadi ucapan dari Ketua Pembangkang daripada D.A.P., kita telah mendengar ucapan yang bertalu-talu yang dikemukakan di dalam dan di luar Dewan ini oleh D.A.P. dan carilah sendiri, bukalah mata, fahamlah sendiri apa yang telah pihak ahli-ahli dari D.A.P. buat dan cakap selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, D.A.P. berkata ia tidak menentang Dasar Ekonomi Baru. Bagus! Tetapi yang ditentangnya ialah perlaksanaannya. Ini ditegaskan berkali-kali. Ini suatu paradox yang tidak ada tolak bandingnya dalam dunia ini. Bagaimanakah kita boleh menyokong dasar tetapi menentang perlaksanaannya? Apakah kita mahu sesuatu dasar itu wujud hanya dalam kertas dan tak dilaksanakan? Apakah ini yang dikehendaki

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, on point of Order 37 (a). Tadi Yang Berhormat dari Ulu Trengganu ada membuat satu kenyataan memutar-belitkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini mengikut tata tertib yang mana?

Tuan Chan Teck Chan: Yang berkaitan dengan D.A.P. katanya adalah satu parti yang tidak bertanggungjawab untuk memecah-belahkan perpaduan rakyat. Saya anggap ini satu kenyataan yang sangat serius.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini Ahli Yang Berhormat adalah pandangan-pandangan. Kalau Ahli Yang Berhormat dengar tadi, dia bercakap dalam Dewan yang mulia ini, masing-masing parti mengatakan bersetuju pada Dasar Ekonomi Baru, cuma implementasi atau pelaksanaan sahaja yang berbeza-beza. Dalam soal implementasi ataupun pelaksanaan terpulanglah kepada kebijaksanaan satu-satu parti memberikan pandangan-pandangannya. Tadi saya dengar pendapat Yang Berhormat dari Petaling. Sekarang kita dengar pula pandangan wakil dari Ulu Trengganu. Ini sekadar pandangan-pandangan dahulu.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyentuh mengenai dari aspek national unity. Tadi D.A.P. dikatakan bertanggungjawab ataupun dituduh sebagai

parti yang tidak bertanggungjawab yang membawa satu masalah terhadap perpecahan nasional. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu memberi satu contoh yang konkrit yang menyokong tuduhannya itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tadi membuat empat pertanyaan, bukan membuat kenyataan. Jadi dia tidak ada memberi kenyataan, dia cuma memberikan soalan. Soalan-soalan macam ini cuma hendak memberikan pandangan, pendapat atau fikiran. Bukannya Ahli Yang Berhormat itu mengatakannya dia macam ini, begitu juga si A, si B, si C dan sebagainya. Cuma memberikan soalan-soalan, terpulanglah kepada tafsiran masing-masing untuk mencari jalan dalam soal ini. Jadi, sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu teruskan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka merasa pedas mendengar ucapan saya, kami juga merasa pedas mendengar ucapan daripada D.A.P., tetapi mereka akan mempunyai peluang untuk memberi jawapan dan mengemukakan pandangan-pandangan mereka bila tiba masanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada anggapan saya bila kita bercakap tentang masalah perpaduan nasional, pada anggapan saya kecaman-kecaman yang dibuat oleh D.A.P. terhadap Dasar Ekonomi Baru baik di dalam Dewan ini mahupun di luar Dewan ini, itulah yang sebenarnya suatu penghalang yang paling besar dalam usaha Kerajaan untuk mencapai perpaduan rakyat bahawa apa yang dikatakannya tidak ada perpaduan nasional itu bukanlah disebabkan oleh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, tetapi ialah kerana kecaman-kecaman berbentuk perkauman, kerana telah disemaikan benih-benih perkauman di dalam setiap isu yang timbul di negara ini oleh pihak D.A.P. Itulah sebab-sebab utama yang menghalang perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, mereka bercakap tentang perpaduan nasional seolah-olah merekalah juara kepada perpaduan nasional, seolah-olah tidak ada orang lain lagi yang memperjuangkan perpaduan nasional, selain daripada DAP—tidak ada orang lain. Tetapi sebaliknya seperti yang telah kita dengar sebentar tadi apa yang mereka perjuangkan

di dalam Dewan ini dan di luar Dewan ini sebenarnya ialah hendak mengekalkan *status quo* yang ditinggalkan iaitu warisan yang ditinggalkan oleh penjajah Inggeris kepada rakyat negeri ini, iaitu suatu masyarakat Malaya ketika itu yang berpecah-pecah, yang compartmentalised, suatu masyarakat di mana orang-orang bumiputra hanyalah diperkenalkan sebagai petani-petani, pesawah-pesawah, penoreh getah dan layak bekerja di bendang. Dan orang-orang bukan bumiputra menguasai dan mengisi jawatan-jawatan profesional di bandar-bandar besar, menguasai gedung-gedung perniagaan yang besar-besar, menguasai kilang-kilang perusahaan yang besar-besar, menguasai lapangan eksport-import iaitu lapangan-lapangan yang penuh dengan wang ringgit termasuk banking, insurans dan sebagainya. Inilah *status quo* yang hendak diperjuangkan oleh DAP dan apabila pihak kita, Kerajaan Barisan Nasional yang juga dianggotai oleh berbagai-bagai kaum hendak cuba merubah keadaan ini dan memberi makna yang lebih besar atau lebih tepat dan betul kepada istilah "Keadilan dan Kesaksamaan" bukan sahaja di dalam hak tetapi di dalam kekayaan negara ini, maka ini telah mendapat tentangan. Siapakah sebenarnya juara perpaduan dan siapakah sebenarnya juara perpecahan?

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada perkara-perkara yang dihadapi oleh negara di saat-saat akhir ini ialah adanya perbuatan di kalangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengganggu pasaran yang teratur bagi bahan-bahan kegunaan. Ini pun menjadi masalah juga selain daripada masalah perkauman yang sering ditimbulkan oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengalami keadaan-keadaan yang kacau pada masa yang lepas di dalam bekalan beras, diikuti pula oleh gula, kemudian besi dan pada masa ini kita masih menghadapi manipulasi dalam pasaran simen dan minyak disel. Saya sedar bahawa setengah-setengah daripada gangguan ini adalah di luar kawalan kita, oleh kerana kita belum lagi dapat mengeluarkan bahan-bahan tersebut pada kadar yang mencukupi bagi keperluan sendiri. Oleh yang demikian apabila berlaku sesuatu kekurangan bahan-bahan tersebut di negara-negara lain di dunia ini maka kita juga akan ikut terlibat dan menerima akibatnya. Bagaimanapun dari pengalaman-pengalaman lepas kita tahu bahawa kekacauan di dalam pasaran ini juga

boleh berlaku oleh kerana perbuatan manipulasi dan eksploitasi oleh kalangan speculator yang bertujuan untuk mencari untung paling banyak dalam waktu paling singkat. Kita bernasib baik bahawa sehingga ini perbuatan-perbuatan seperti ini tidak sampai menjejaskan prestasi ekonomi kita pada umumnya. Namun demikian keadaan-keadaan seperti ini boleh menggugat kelancaran projek-projek pembangunan kita baik projek-projek swasta mahupun projek-projek awam.

Kekurangan besi pada suatu waktu yang lalu dan kekurangan simen yang sedang berlaku sekarang menyebabkan banyak projek-projek tergendala perlaksanaannya dan di dalam proses ini ramailah kontraktor-kontraktor kecil yang menerima bencana secara langsung. Lebih dari itu kesusahan yang dihadapi oleh rakyat tidak dapat dihitungkan dari segi wang ringgit. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, keadaan kelam-kabut yang berlaku pada pasaran beberapa jenis barang kawalan sejak akhir-akhir ini menjadi satu bukti kegagalan iaitu kegagalan pihak swasta untuk menguruskan satu sistem pengedaran yang teratur dan bebas dari perbuatan manipulasi.

Dalam pengedaran minyak disel misalnya, pihak pembekal nampaknya tidak berdaya mengawal penjualan bahan tersebut kepada pengguna-pengguna yang dimaksudkan. Ini menyebabkan pihak penjual runcit bebas membawa minyak yang dipesannya itu ke mana sahaja walaupun pada hakikatnya pihak pembekal menguasai kebanyakan dari stesyen-stesyen minyak yang ada di negeri ini. Pihak pembekal sepatutnya boleh mengadakan suatu sistem monitoring yang berkesan ke atas penjualan runcit minyak kalau mereka mahu berbuat demikian. Mereka juga mempunyai kemudahan-kemudahan penguatkuasaan yang cukup untuk menjalankan kerja-kerja pengawasan terhadap perbuatan yang tidak sihat itu akan tetapi ini telah tidak dilakukan.

Krisis minyak disel yang masih kita hadapi sekarang ini telah membuka dengan sendirinya kelemahan-kelemahan yang terdapat pada sistem yang ada ini dan ini memberi justifikasi kepada PETRONAS mencampuri secara langsung pengedaran dan penjualan runcit bahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit daripada keadaan-keadaan kelam-kabut yang berlaku pada pasaran setengah barangan itu, saya

berdiri sekarang untuk mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Majlis Barangan Kebangsaan yang bertujuan untuk membuat kajian terhadap kedudukan bekalan dan permintaan (supply and demand) terhadap barangan-barangan yang tertentu terutama barangan-barangan kawalan yang selalu sensitif kepada perbuatan manipulasi di dalam pasaran.

Majlis ini hendaklah mengadakan sistem monitoring yang sistematik terhadap pengeluaran dan permintaan di seluruh dunia supaya pihak Kerajaan dapat diberi amaran awal (advance warning) sekiranya terdapat kekurangan atau kekacauan di dalam mana-mana juga pasaran di dunia ini. Majlis tersebut patutlah juga mengkaji kemungkinan ditubuhkan sebuah stok barangan nasional sebagai langkah jangka panjang bagi membentasi sebarang kemungkinan manipulasi dan bagi maksud menstabilkan harga.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mencari suatu formula yang kekal untuk mencegah dan mengatasi perbuatan manipulasi pasaran oleh kerana saya jangka perkara ini akan bertambah pada masa-masa yang akan datang apabila kita terus-menerus meningkatkan pembangunan kita dan juga memandangkan kemerosotan ekonomi dunia yang akan dihadapi dalam tahun-tahun yang akan datang.

Pada masa-masa yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian terhadap kejadian-kejadian seperti ini dibuat atas dasar "piecemeal" atau cara ad hoc, gerakan-gerakan sama ada gerakan pencegahan dan sebagainya akan dilancarkan selepas satu-satu krisis barangan itu berlaku beberapa lama. Tindakan-tindakan seperti ini tentulah akan memakan waktu untuk mendatangkan kesan yang baik dan sementara kesan itu diperolehi ada orang sudah menjadi kaya-raya kerana perbuatan manipulasi mereka dan lebih banyak orang akan menjadi papa oleh perbuatan ini.

Pengalaman yang kita perolehi dari krisis minyak disel ini dan krisis-krisis barangan yang lain yang berlaku sebelum ini mencabar kita supaya memberi orientasi baru, memberi makna yang baru kepada perkataan "ekonomi bebas" yang menjadi amalan kita selama ini. Pada hemat saya "ekonomi bebas" harus mempunyai had dan batasan. Kebebasan tidak semestinya bererti bebas untuk mengeksploitasi dan untuk manipulasi dan untuk merosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau selama ini kita tidak dapat mengawal secara berkesan terhadap pengedaran dan peruncitan barang-barang terkawal, kita sekarang mestilah mencari jalan untuk menjamin ketenteraman pasaran dan suatu cara lagi yang boleh saya fikirkan ialah dengan menubuhkan ekonomi saluran kedua. Bagi minyak disel, ekonomi saluran keduanya ialah PETRONAS. Saya mencadangkan supaya PETRONAS dengan segera mencampuri bukan sahaja pengedaran tetapi penjualan runcit minyak disel mulanya dan juga minyak tanah. Saya cadangkan supaya PETRONAS mengadakan perundingan dengan syarikat-syarikat minyak yang ada di negeri ini sekarang yang sudah siap dengan infrastrukturnya yang sudah siap dengan pam-pam minyaknya di seluruh negara.

Saya anjurkan supaya PETRONAS berunding dengan syarikat-syarikat seperti ini atas dasar perniagaan, bukan atas dasar ambalalih, tetapi atas dasar perniagaan; berunding bagaimana PETRONAS boleh menggunakan pam-pam minyak disel yang selalu kering itu, yang selalunya tidak ada minyak itu supaya PETRONAS dapat memasukkan minyak PETRONAS ke dalam tangki-tangki pam minyak disel yang sentiasa kekeringan itu. Daripada membiarkan pam itu kosong lebih baik PETRONAS menyewa pam itu daripada syarikat-syarikat minyak yang ada sekarang dan menjual minyak PETRONAS. Ini menyelamatkan waktu dan menyelamatkan wang yang banyak bagi pihak PETRONAS kalau PETRONAS terpaksa membina stesyen-stesyen pam sendiri di setiap daerah di dalam negeri ini.

Tadi saya bercakap tentang saluran ekonomi kedua. Bagi bahan-bahan lain saya cadangkan supaya PERNAS diberi tugas untuk menubuhkan saluran kedua bagi penjualan, pengedaran dan peruncitan barang-barang terkawal dan juga barang-barang yang tidak terkawal. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan saluran kedua ini amat penting kerana di dalam analisa yang terakhir ekonomi sesebuah negara itu mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan keselamatan dan ketahanan nasional. Sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia ini tidak boleh bergantung kepada satu sahaja saluran ekonomi, oleh kerana kalau saluran yang pertama itu tertutup maka seluruh nadi dan denyut jantung negara ini akan turut terhenti. Kita mestilah ada saluran nafas yang kedua. Tuhan pun

membuat manusia diberinya kita dua saluran nafas. Kalau tertutup hidung, kita boleh bernafas mengikut mulut maka demikianlah juga ekonomi negara kita ini, kalau terjadi apa-apa kecacatan kepada saluran ekonomi yang pertama, sekurang-kurangnya kita boleh bergantung dan akan boleh hidup dengan adanya saluran ekonomi yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menyentuh sedikit tentang cadangan-cadangan cukai yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya bersetuju penuh bahawa cadangan cukai yang dikemukakan kepada kita ini adalah cadangan yang paling baik yang pernah dikemukakan oleh seorang Menteri Kewangan. Dari luar Dewan ini kita hanya mendengar suara daripada Parti Rakyat yang tidak setuju dengan cadangan ini mengatakan cadangan ini lebih memberi manfaat natijah kepada orang-orang kaya. Barangkali juga mereka belum dapat membaca betul-betul dan memahami implikasi cadangan ini sebelum mereka membuat ulasan. Di sini saya tidak bermaksud hendak mengulas satu persatu cadangan cukai yang dikemukakan itu. Saya sekadar hendak menyentuh dua cadangan pengurangan cukai iaitu potongan duty excise ke atas teksi dan kereta sewa sebanyak 50% serta pemotongan cukai jalan ke atas teksi dan kereta sewa juga sebanyak 50% dan juga pengurangan cukai enjin ke atas bas sebanyak 25%

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah pengurangan cukai pengangkutan awam ini adalah satu langkah yang berani dan positif yang tentu sahaja disambut baik bukan sahaja oleh pengusaha-pengusaha pengangkutan awam tetapi juga oleh rakyat yang menggunakan pengangkutan itu. Langkah seperti ini sudah pasti akan mencetuskan satu suasana baharu di dalam perusahaan pengangkutan awam. Pengusaha-pengusaha teksi dan bas sekarang akan dapat memperbaiki dan mereka patut berbuat demikian untuk memperbaiki mutu perkhidmatan masing-masing dengan lebih sempurna lagi. Di samping itu saya berharap pihak pengusaha-pengusaha pengangkutan bas dan kereta sewa serta teksi akan membalas budi baik Menteri Kewangan kita ini dengan cara menurunkan sedikit tambang bas, tambang teksi supaya pengurangan cukai yang mereka perolehi itu akan dapat dinikmati bersama oleh orang ramai. Saya menganggap langkah pengurangan cukai ini adalah wajar. Bagi

saya urusan pengangkutan orang dari satu tempat ke satu tempat yang lain patutlah dianggap sebagai satu perkhidmatan (service) bukan sebagai satu perusahaan, sebab apabila kita istilahkan perusahaan pengangkutan itu sebagai satu perusahaan maka dengan jelaslah setiap perusahaan itu mestilah mencari untung dan lebih banyak untung, lebih baik.

Kita tahu dikebanyakan negeri di dunia terutama perkhidmatan bas bandar, pengangkutan orang ramai di bandar-bandar adalah mendapat subsidi daripada pihak Kerajaan dan banyak juga bandar-bandar raya di dunia ini yang menjalankan sendiri pengangkutan awam mereka sama ada bas, tram dan sebagainya. Ini ialah kerana mereka mengakui bahawa urusan mengangkut orang itu ialah sebagai satu perkhidmatan. Ini satu tanggungan Kerajaan, satu tanggungan State, satu tanggungan pihak yang memerintah. Oleh itu saya harap cadangan pengurangan cukai yang dicadangkan ini akan menjadi satu langkah permulaan, langkah pertama ke arah tercapainya satu sistem pengangkutan awam jalanraya yang lebih murah tetapi efficient dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan cukai yang kedua yang hendak saya sentuh di sini ialah pengurangan cukai daripada 40% kepada 50% ke atas syarikat-syarikat yang bermodal tidak lebih daripada \$1 juta yang mematuhi peraturan penyusunan semula ekuiti Dasar Ekonomi Baru, dan juga pengecualian cukai pembangunan sebanyak 5% ke atas syarikat-syarikat yang bermodal sebanyak itu juga yang mematuhi peraturan penyusunan semula guna tenaga dan saluran pemasaran.

Saya mengalu-alukan langkah yang baik ini. Kalau tidak salah ingatan saya inilah kali pertamanya struktur cukai yang berbeza dikenakan bagi syarikat-syarikat swasta bagi tujuan menggalakkan penyertaan modal dan guna tenaga serta saluran pemasaran seperti yang diutarakan oleh Dasar Ekonomi Baru iaitu memberi ekuiti 30% kepada bumiputra dan juga penggunaan tenaga dan saluran pemasaran 30% kepada bumiputra. Bagaimanapun saya berpendapat bahawa pemotongan cukai sebanyak 5% ini tidak cukup menjadi galakan yang kuat untuk syarikat-syarikat ini membuka pintu masing-masing kepada penyertaan modal dan tidak cukup menarik perhatian mereka untuk menarik pekerja-pekerja bumiputra.

Saya rasa patutlah peratus ini dinaikkan menjadi 10% supaya objektif penyertaan bumiputra sebanyak 30% itu dapat dipercepatkan lagi.

Saya juga, ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sama ada syarikat-syarikat yang mematuhi kedua-dua peraturan ekuiti 30% dan gunatenaga 30% serta saluran pemasaran, jikalau ada syarikat-syarikat yang mematuhi kedua-dua peraturan ini apakah mereka berhak mendapat kedua pelepasan ini, 5% campur lagi 5% bererti 10%.

Yang kedua, saya juga hendak tahu kedudukan syarikat-syarikat yang kita panggil syarikat bumiputra, ertinya syarikat-syarikat yang mempunyai modal ekuiti sebanyak 50% ke atas dan yang mempunyai pekerja-pekerja lebih daripada 50%. Apakah faedah-faedah yang dicadangkan ini akan boleh dinikmati juga oleh syarikat-syarikat bumiputra yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perusahaan saya cadangkan supaya kita menggunakan struktur cukai. Struktur cukai ini digunakan secara lebih luas untuk menggalak dan membantu kaum bumiputra. Pada masa ini kita ada, jikalau tidak salah saya, tujuh jenis galakan cukai utama yang bertujuan antara lain-lain untuk menggalakkan pengeluaran barang-barang untuk eksport, menggalakkan penggunaan tenaga buruh yang lebih ramai, menggalakkan pengeluaran barang-barang pertanian dan juga menggalakkan penyelarasan industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju.

Selaras dengan usaha kita untuk mempercepat pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu penyertaan 30% bumiputra di dalam segenap aktiviti ekonomi, terutama usaha perdagangan dan perusahaan saya ingin mencadangkan supaya syarikat-syarikat bumiputra yang bergiat di dalam lapangan-lapangan yang tertentu; bukan semua, terutama dalam bidang di mana penyertaan bumiputra amat kurang pada masa ini diberi perlindungan dalam bentuk galakan cukai iaitu dengan memberikan mereka taraf perintis. Tanpa galakan seperti ini, bumiputra sudah pasti akan menghadapi kesukaran untuk maju dan tidak dapat bertanding dengan orang-orang yang sudah sedia ada di dalam lapangan tersebut. Bumiputra tidak mempunyai kepakaran sendiri. Mereka ter-

paksa membayar lebih untuk mendapatkan kelulusan yang baik. Begitu juga oleh kerana mereka baru di dalam lapangan yang mereka masuki, kemudahan-kemudahan kredit untuk mereka adalah terbatas. Kalau syarikat-syarikat yang sudah established boleh mendapat kemudahan kredit selama dua bulan misalnya, syarikat-syarikat bumiputra oleh kerana baru di dalam lapangan itu mungkin mendapat kemudahan kredit hanya dua minggu atau tidak ada langsung.

Oleh yang demikian, mereka terpaksa meminjam wang dari sumber-sumber bank ataupun dari MARA dan lain-lain untuk mendapatkan barangan yang mereka pesan, kerana hendak berniaga. Ini bermakna kos kewangan mereka adalah lebih tinggi dari kos kewangan syarikat-syarikat yang sudah maju. Ini adalah satu daripada contoh-contoh mengapa syarikat-syarikat bumiputra yang baru hendak memasuki satu-satu lapangan yang baru menghadapi masalah cash flow pada permulaan mereka memulakan perniagaan. Oleh yang demikian, adalah wajar bahawa syarikat-syarikat bumiputra ini diberi galakan cukai seperti juga galakan yang diberi kepada syarikat-syarikat taraf perintis untuk tempoh-tempoh yang tertentu. Cadangan ini, saya harap tidak dianggap sebagai satu lagi percubaan untuk mendiskriminasi mana-mana kaum. Saya berharap tidak akan timbul tuduhan-tuduhan daripada DAP mengatakan: "Inilah orang Melayu atau bumiputra asyik hendak claim special privileges, asyik hendakkan hak istimewa".

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini saya buat semata-mata kerana kita mempunyai suatu objektif yang sudah dipersetujui oleh semua golongan iaitu penyertaan 30% kaum bumiputra di dalam semua bidang aktiviti ekonomi Negara.

Apa yang saya cadangkan ini ialah sebenarnya merupakan satu amalan preferences oleh kerana kita terpaksa memberi keutamaan ataupun sistem punca, kita memunca orang-orang yang kurang kuat supaya dia boleh ke depan, kita letakkan dia di depan, orang-orang yang kurang kuat duduk di belakang, kemudian lari bersama-sama, akhirnya barangkali dia boleh sampai sama-sama. Tetapi kalau orang yang lemah duduk di belakang dan orang yang kuat berlari duduk di depan suruh dia lari sama, sudah pasti orang yang kuat akan lebih dulu sampai ke tempat yang dituju.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menerima falsafah ini jikalau kita mengakui hakikat bahawa bumiputra itu adalah suatu kaum yang sedang maju, sedang membangun dan bahawa kaum bukan Melayu adalah kaum yang sudah maju. Kita barangkali maklum sebagai sebuah negara Malaysia sentiasa memperjuangkan bersama dengan negara-negara lain di dalam berbagai forum ekonomi dunia bagi mendapatkan layanan khas supaya lebih banyak barang-barang eksport kita masuk ke negeri-negeri yang maju melalui apa yang dipanggilkan preferential arrangement.

Jadi, kalau kita boleh menerima falsafah "preferential" dalam konteks hubungan antara sebuah negara yang membangun dengan sebuah negara yang maju sebagai suatu usaha ke arah penyusunan semula ekonomi dunia atau melahirkan new order dalam ekonomi antarabangsa, maka sudah tentu kita boleh juga menerima falsafah yang sama dalam konteks negara kita sendiri, dalam konteks masyarakat berbilang bangsa seperti yang saya sebutkan tadi demi untuk mempercepatkan usaha penyusunan semula ekonomi dalam negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang lain-lain cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ini tidak payahlah saya sentuh oleh kerana nampaknya semua pihak menerima baik cadangan ini dan semua golongan tidak membantah apa-apa juga cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu. Oleh yang demikian, saya dengan segala senang hati menyokong cadangan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Langat.

5.33 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan 1980 dan saya sukacita memuji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan yang bijak.

Kita berasa sungguh bangga terhadap kejayaan rombongan lawatan Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri ke Moscow dahulu. Dato Perdana Menteri telah berjaya mendapatkan jaminan daripada Russia sebuah negara berkuasa untuk menghormati

negara-negara ASEAN iaitu sebuah kawasan aman dan berkecuali. Di samping itu kita juga berasa gembira bahawa Russia telah memberi jaminan yang Vietnam tidak akan menyerang negara-negara ASEAN. Jaminan yang sama juga telah diucapkan oleh Perdana Menteri Vietnam semasa lawatan beliau ke negara-negara ASEAN dahulu. Di samping ia menegaskan bahawa Kerajaan Vietnam tidak berhasrat untuk meluaskan wilayahnya dan tidak sekali akan menyerang negara-negara jirannya, terutama sekali negara-negara ASEAN. Setelah menyakinkan kita kenapa baharu ini Vietnam mencerooboh masuk dan menakluki Kemboja dan Laos. Bukankah Kemboja dan Laos itu adalah jiran tetangganya kini lebih 100,000 orang tentera Vietnam yang lengkap dengan alat senjata berada di luar sempadan Thailand iaitu sebuah negara dalam komponen ASEAN. Kemudian kita telah mendengar laporan bahawa 4 orang tentera pengawal Thailand telah ditawan oleh tentera Vietnam beberapa hari dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama maklum bahawa keadaan politik dan keselamatan di bahagian utara negara kita adalah tegang. Ketegangan ini akan meletup dan akan menjangkit ke arah selatan. Selain daripada itu walaupun Pasukan Tentera Laut dan Darat kita mengadakan rondaan yang rapi di sepanjang Pantai Timur Malaysia. Namun begitu, masih lagi terdapat seramai 500 orang pelarian Vietnam berjaya mendarat di bumi Malaysia pada bulan September yang lalu. Adalah diakui benar bahawa Tentera Laut Malaysia bekerjasama dengan Tentera Laut negara-negara ASEAN dalam usaha mengawal pantai Malaysia daripada dicerobohi oleh orang-orang sampan Vietnam. Pasukan Tentera Laut dan Udara kita perlulah memperkuatkan lagi dengan segera demi untuk mempertahankan negara daripada serangan luar. Pantai negara kita adalah luas. Di sebelah timurnya terbentang luas Laut China manakala di sebelah baratnya terletak daripada Selat Melaka dan Lautan Hindi. Sepatutnya Pasukan Tentera Laut dan Udara kita mampu dan mengusir kapal-kapal laut sama ada kecil ataupun besar yang cuba mencerooboh masuk. Pasukan Keselamatan kita juga seharusnya berupaya mengusir undersea craft yang berjaya menyeludup masuk ke perairan kita. Pasukan Keselamatan kita juga hendaklah diperlengkapkan daripada serangan-serangan missile.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai penduduk seramai 14 juta orang. Saya percaya lebih daripada 4 juta orang kaum lelaki dan wanita yang bertubuh sihat yang sanggup bersedia tampil kehadapan untuk mempertahankan negara. Kerajaan hendaklah melatih sukarelawan dan sukarelawati dengan cara-cara pertahanan yang moden. Saya berpendapat bahawa memberi latihan secara moden ini adalah lebih berkesan dan ekonomik daripada pengambilan tenaga yang besar. Latihan-latihan sambilan kepada kerahan tenaga adalah juga satu langkah yang perlu dan baik. Adalah diketahui umum bahawa keadaan keselamatan dan politik di Tenggara Asia sesungguhnya semakin meruncing di samping memperkuatkan lagi Pasukan Keselamatan kita. Kerajaan juga hendaklah memperkukuhkan pertubuhan-pertubuhan pertahanan awam di seluruh Malaysia, terutama sekali di kawasan-kawasan pantai. Kita perlu meluaskan pertubuhan-pertubuhan seperti Bulan Sabit Merah dan mengadakan peruntukan yang cukup untuk ahli-ahlinya berkhidmat kepada negara. Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri dan Kerajaan telah melancarkan polisi negara iaitu mewujudkan perpaduan dan disiplin di kalangan rakyat. Saya percaya rakyat baharulah mula faham dan menerima konsep ini memandangkan betapa pentingnya kedua-dua konsep ini untuk survival dan progressive masa hadapan Malaysia, maka kempen dan program untuk menjadikannya reality perlulah disegerakan supaya objektif negara tercapai.

Selain daripada perpaduan dan disiplin, kita juga harus memperkukuhkan sistem pertahanan negara. Sebenarnya kita sudah ketinggalan masa. Janganlah negara kita tercebak dalam perangkap musuh. Negara kita terperangkap dalam serangan Jepun dahulu, bukan sahaja negara kita ditaklukinya 40 tahun dahulu bahkan kawasan di seluruh rantau ini. Kita berharap sejarah ini janganlah berulang lagi. Mari kita bersedia mempertahankan negara daripada berbagai bentuk ancaman luar dan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Jepun menyerang dan menakluki negara kita yang pada masa itu negara kita terkenal sebagai sebuah negara yang kaya, aman dan makmur maka kita dapati konflik berterusan di negeri ini. Walaupun sekarang kita sudah bebas dan bangsa Jepun sudah keluar namun mereka masih lagi dapat menikmati hasil-hasil pembangunan ekonomi negara kita,

manakala Kerajaan kita masih lagi mengalami kehilangan nyawa, wang dan tenaga untuk menghapuskan musuh dalam hutan belantara dan di perbatasan. Kita faham bahawa Kerajaan dan Pasukan Keselamatan kita telah mencapai banyak kejayaan dalam menghapuskan ancaman-ancaman ini, namun demikian konflik masih lagi berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa keadaan di rantau ini semakin meruncing. Mengikut analisa saya iaitu keadaan akan semakin tegang jika terdapat ancaman dari luar dan dalam negeri. Kita hendaklah bersedia mempertahankan tanah-air kita, kita terpaksa mencari sumber kewangan untuk melatih manpower dan membina moral rakyat kita.

Saya petik satu contoh baru demi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dan rakyat Malaysia amnya daripada sikap "tidak apa" yang menjadi tabiat biasa kita, iaitu pada masa sekarang terdapat ribuan tentera lengkap dengan alat senjata moden di bahagian utama negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak merdeka Kerajaan telah banyak membelanjakan dengan kebijanya kekayaan negara di dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial supaya dapat meningkatkan taraf hidup orang-orang miskin. Ketika kita merdeka dahulu Malaysia telah dapat jaminan daripada kuasa tertentu akan bantuan pertahanan yang negara kita perlukan. Oleh sebab itulah kita tidak membelanjakan wang yang banyak dalam bidang pertahanan sejak 22 tahun dahulu.

Menurut pandangan politik dunia hari ini Negara-negara ASEAN adalah dihormati di bidang politik dan keselamatan selain daripada dasar luar negerinya. Oleh itu adalah perlu bagi tiap-tiap Negara ASEAN bersedia mempertahankan negara masing-masing sebelum sesuatu kemungkinan berlaku. Saya nampak bahawa bukan main sukar bagi kita melaksanakan dasar negara untuk mewujudkan perpaduan, disiplin dan ketahanan negara. Kemakmuran dapat dikecap adalah hasil daripada rancangan pembangunan lima tahun dalam lapangan sosial dan ekonomi. Rancangan pembangunan ini telah mewujudkan satu kebudayaan dan sikap kebendaan di kalangan generasi muda. Masyarakat semacam ini dengan pembawaan pengaruh barat akan merugikan Malaysia pada masa akan datang. Kita telah

lama memandang rangan terhadap pentingnya pembangunan rohani kepada generasi muda. Pelajaran-pelajaran moral hendaklah diajarkan kepada kanak-kanak di sekolah-sekolah. Menteri Pelajaran haruslah diberi peruntukan berasingan untuk mengajar kanak-kanak nilai moral di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menggesa Kerajaan agar mengadakan peruntukan kepada semua badan-badan agama di negara ini supaya perjalanan organisasinya mereka itu teratur dan pengikut-pengikutnya mempunyai pandangan terhadap kepercayaan agama masing-masing. Di samping itu mereka digalakkan mengamalkan ajaran-ajaran agama mereka agar semangat per-sefahaman, tolak-ansur dan hormat-menghormati wujud di antara rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang bukan Islam telah bertahun-tahun lamanya menunggu agar Parlimen menggubal serta meluluskan Undang-undang Nikah-Kahwin yang diamalkan oleh kebanyakan orang-orang bukan Islam. Kaum wanita bukan Islam sering kali menggesa Parlimen supaya Kerajaan menguatkuasakan *The Reform Marriage Bill*. Kita sedang merayakan Tahun Antarabangsa Kanak-kanak. Keselamatan dan kesihatan serta pembinaan mental seorang kanak-kanak itu adalah bergantung atas dasar perkongsian hidup bahagia kedua ibubapanya. Pembinaan sebuah negara adalah juga berasaskan daripada sebuah keluarga. Oleh itu pada keseluruhannya sebuah negara yang aman, bahagia, bergantung kepada kesejahteraan dan kemewahan hidup keluarga. Lebih setengah daripada upacara perkahwinan orang-orang bukan Islam dilakukan di Malaysia. Kuasa dan hak perkahwinan mereka ini hendaklah diberi perlindungan. Perpaduan dan disiplin adalah bermula dari rumah dan keluarga. Oleh itu, di sini saya ingin menggesa Kerajaan agar dapatlah memperkenalkan *The Reform Marriage Bill* dalam sidang Parlimen kali ini. Saya berharap lebih peruntukan akan diberi kepada Kementerian berkenaan supaya kerja-kerjanya akan dipercepatkan.

Akhirnya, saya memberi tahniah kepada Menteri Kewangan dan saya menyokong penuh Belanjawan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.48 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1980 dan usul Pembangunan 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 18-10-1979.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga kepada pegawai-pegawainya kerana dapat menyiapkan satu Laporan yang begitu lengkap dan meneliti berat kepada susunan-susunan Anggaran Belanjawan kita pada tahun 1980 iaitu tamatlah Rancangan Malaysia Ketiga dan tidak lama lagi Rancangan Malaysia Keempat akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati atas cadangan Kerajaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana peruntukan yang besar itu telah disediakan bagi memperluaskan infrastruktur dalam kawasan-kawasan pertanian supaya dapat meningkatkan usaha-usaha pemoden-pemoden dan akan menambahkan hasil-hasil pengeluaran untuk meninggikan taraf hidup rakyat. Dalam ucapan beliau lebih \$170 juta akan diperuntukkan dalam Belanjawan 1980 sebagai subsidi tanaman supaya dapat menambahkan dan membantu petani-petani dan nelayan-nelayan untuk menampung harga bahan-bahan pertanian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang lebih tinggi sekali dalam tahun hadapan ialah untuk baja, jentera-jentera dan lain-lain dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$21 juta juga telah disediakan untuk kemudahan-kemudahan tempat simpanan dan pengangkutan bagi mengelakkan kerosakan bahan-bahan pengeluaran pertanian. Dalam hal ini saya menyokong segala usaha yang boleh membawa perasaan yang baik dan meninggikan taraf kehidupan orang ramai khususnya kaum tani. Pertanian adalah satu sumber kekayaan di negara kita dan kaum kita bumiputra mempunyai tanah yang besar akan tetapi dasar-dasar pertanian yang ada sekarang tidak memuaskan. Ianya tidak membawa kesan yang diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dasar pertanian di negeri Sarawak masih lagi ketinggalan. Latihan-latihan dan modal-modal yang diberi kepada semua

petani muda tidak memuaskan dan oleh itu perlulah dasar ini dikaji semula supaya dapat diganti dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, petani-petani di kawasan luar bandar masih lagi tidak mengetahui cara moden dan mereka itu masih lagi menggunakan cara lama. Ini meningkatkan mereka kais pagi untuk makan pagi, kais petang untuk makan petang. Namun demikian ingin saya di sini memohon supaya Kerajaan Barisan Nasional kita akan dapat membuang segala kelemahan dalam dasar ini dan menukarkan kepada dasar yang baru supaya dapat mengurangkan kemiskinan di bidang pertanian khususnya di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, ingin saya menyentuh perikanan air tawar di negeri Sarawak. Ini pun masih juga dikendalikan oleh Kerajaan secara ad-hoc. Beberapa tahun yang lepas Kerajaan telah menggalakkan orang yang di kampung-kampung ataupun rakyat di rumah panjang iaitu Kerajaan telah memberi arahan kepada orang kampung membuka tanah untuk memelihara ikan air tawar dan galakan itu juga telah diikuti dengan skim subsidi akan tetapi setakat ini hanya terdapat satu dua orang kaya yang mempunyai kolam ikan di pendalaman, sepatutnya tiap-tiap penduduk di kawasan luar bandar perlulah dibantu dengan penuh subsidi supaya dapat membuka banyak lagi kolam ikan air tawar. Galakan menambahkan kolam-kolam ikan air tawar sangat penting. Ini disebabkan kekurangan ikan yang dikeluarkan sekarang di pasaran dunia. Namun demikian Kerajaan patutlah mewujudkan cara yang betul-betul iaitu seperti tindakan yang baru dengan lebih cekap bagi faedah kaum tani supaya dapat menambahkan lebih banyak lagi pendapatan mereka dengan mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar dan ini akan dapat meninggikan pendapatan mereka di masa yang akan datang.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan ucapan beliau juga yang mengatakan bahawa Kerajaan akan menambahkan peruntukan pinjaman wang sebanyak \$237.4 juta akan disediakan sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat memberi bantuan yang besar kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Kementerian Perumahan haruslah mengalihkan pandangan kepada orang-orang kampung khususnya di kawasan luar bandar seperti di rumah panjang di negeri Sarawak. Saya berpendapat bahawa tahun yang lepas banyak permohonan dari orang ramai belum lagi diambil pertimbangan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan supaya menasihati kepada Kerajaan Negeri dan memberi perhatian supaya bersikap adil dalam pemberian peruntukan kepada orang ramai yang betul-betul berkehendakkan rumah berharga murah.

Selain dari itu ialah peruntukan sebanyak \$9 juta untuk bekalan elektrik di kawasan luar bandar dan sebanyak \$200 juta untuk bekalan air di luar bandar. Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah memberi begitu besar belanja kepada negeri Sarawak dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudah memberi begitu besar belanja kepada negeri kami di Sarawak. Dan Kerajaan sudah menitikberatkan dan menyediakan peruntukan dengan begitu besar akan tetapi yang saya patut sebutkan di sini ialah berkaitan dengan kekurangan kakitangan Kerajaan di pejabat berkenaan untuk menjalankan tugas-tugas yang penting ke kawasan luar bandar. Ini perlulah ditambahkan supaya projek-projek bekalan elektrik dan bekalan air dapat dipercepatkan di mana-mana terbengkalai boleh disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di sini menyentuh sedikit berkaitan dengan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh wakil DAP dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu dan begitu juga sebelum Pilihanraya Undangan Negeri Sarawak, mereka dengan bersungguh-sungguh kempen di Sarawak. Walaupun demikian kami tidak berasa bimbang kerana kami faham rakyat di Sarawak khususnya kaum bumiputra tidak sekali-kali menerima cadangan Parti DAP sebab cadangan yang dituduhkan oleh Parti DAP itu difahamkan cuba memecah-belahkan perpaduan rakyat di Sarawak ataupun di Sabah. Rakyat Sarawak sudah tentu tidak menerima Parti DAP dan kami rakyat Sarawak juga berharap bahawa rakyat di Sabah pun dianggapkan sama kerana parti-parti yang tidak memasuki dalam komponen Barisan Nasional maka parti itu memang

tidak dapat memberi pertolongan kepada rakyat, cuma bercakap kosong sahaja dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak sudah berfikir dengan sedalam-dalam dan penuh mempertahankan Malaysia kita supaya tiap-tiap rakyat khususnya rakyat di Sarawak dengan puas hati mengambil bahagian dalam bidang rancangan yang dilancarkan sekarang.

Saya suka menerangkan di sini bahawa rakyat di Sarawak telah menyokong penuh terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn dan Kabinet Kerajaan Persekutuan, dan di peringkat Negeri juga yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub. Kami rakyat di kawasan luar bandar tidak ada kebimbangan walaupun ada parti baru seperti Parti DAP, FAJAR dan SAPO kerana ketiga-tiga parti itu tidak dapat bertanggungjawab memberi pembangunan kepada rakyat. Namun demikian parti itu tidak dapat sokongan dari orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang selalu timbul ialah didapati berkaitan dengan menjalankan rancangan pembangunan, pelaksanaan selalu didapati iaitu projek-projek yang dikehendaki oleh rakyat di kawasan luar bandar tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Oleh sebab pegawai-pegawai itu disebabkan kekurangan tenaga dan kekurangan masa dalam bidang berbagai alasan yang tidak menyenangkan. Pada pendapat saya telah beberapa tahun yang lalu banyak rancangan pembangunan tidak dijalankan dengan keadaan yang begitu cepat dan tidak dapat diselesaikan dan memang diketahui bahawa ada beberapa halangan dan kelemahan bagi jentera Kerajaan untuk menjalankan dan melaksanakan rancangan pembangunan dengan licin. Oleh sebab itu, saya mencadangkan bahawa Kerajaan dapat membuat kajian yang lebih teliti berkaitan dengan sistem pentadbiran Kerajaan yang berjalan pada hari ini di dalam konteks menjalankan kerja-kerja pembangunan.

Selain daripada itu, ada juga lain masalah iaitu selalu berlaku di antara satu jabatan yang ada kaitan dengan satu jabatan yang lain, terutama sekali dengan pejabat tanah yang mana mereka mengatakan bahawa ini kuasa-kuasa Negeri. Ini selalu menimbulkan masalah yang membawa satu halangan besar

semasa menjalankan projek-projek di luar bandar dan saya dapati bahawa banyak pembangunan ini tidak dapat dilaksanakan dan peruntukan bagi tahun 1979 maka tinggal begitu sahaja. Dan di sini saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat menyusun semula pentadbiran Jentera Kerajaan dan diubahsuaikan dalam konteks pembangunan dan kakitangan di pejabat Kerajaan perlulah ditambah supaya tiap-tiap rancangan pembangunan di negara ini dapat dipercepatkan dan diselesaikan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya menyentuh pelajaran yang mendapat peruntukan terbesar dan kami dari Sarawak juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa peruntukan sebanyak \$20 juta akan disediakan tahun hadapan untuk memulihkan kira-kira 587,000 murid-murid untuk mendapat makanan percuma dan sebanyak \$23 juta kepada murid-murid dari golongan yang berpendapatan rendah juga disediakan untuk belanja mengurus bagi kemudahan-kemudahan dan latihan-latihan. Ini satu contoh yang baik bagi Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara ini pada hari ini. Dari segi bantuan seperti ini Kerajaan mendapat sokongan penuh dari orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkaitan dengan keselamatan di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak. Saya berpendapat bahawa pencerobohan di Sarawak sudah dapat dikawal pada hari ini. Walau pun demikian, Kerajaan kita masih lagi menggunakan senjata-senjata yang moden oleh kerana keselamatan telah menjadi perkara penting di negara kita. Namun demikian, pasukan keselamatan kita telah menggunakan senjata dengan begitu banyak bagi mempertahankan negara kita dan di sini saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya Malaysia ini dapat mendirikan sebuah kilang senjata bagi negara kita supaya keperluan tidak mengalami kekurangan. Tujuan ini untuk menambahkan keperluan negara kita ini kerana pasukan polis kita mungkin dari setahun ke setahun bertambah besar dan peruntukan untuk membeli senjata dari luar negeri mungkin bertambah besar. Oleh itu, Kerajaan kita perlu mendirikan satu kilang senjata di negara Malaysia.

Selain daripada itu, saya berpendapat bahawa Border Scout di Sarawak ataupun Polis Hutan bukan pegawai yang tetap, dan saya berasa bimbang sebab Polis Hutan itu telah ditubuhkan semenjak 1964 waktu konfrontasi Indonesia sehingga hari ini sudah hampir 15 tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Border Scout itu satu kakitangan Kerajaan yang menjaga keselamatan negara dengan kerjasama orang ramai dan ini dianggap bahawa polis hutan itu sama dengan pasukan Polis Di Raja. Di sini saya merayu kepada Kerajaan dan saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat mengambil perhatian dengan mengkaji semula Polis Hutan atau Border Scout di Sarawak itu dimasukkan dalam jawatan tetap dan berpencen. Dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 18hb Oktober, 1979.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.06 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober, iaitu pada hari Khamis yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia telah disiarkan oleh TV Malaysia dan saya dapati juga disiarkan oleh Radio Malaysia supaya dapat didengar oleh orang yang tidak ada TV dan saya dapat tahu juga telah diterjemahkan dalam bahasa lain, bahasa Inggeris dalam saluran Dua. Maka dengan cara itu bukanlah sahaja kita dalam Dewan yang mulia ini sebagai Ahli Dewan Rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan tetapi dengan serentak itu juga pada 18hb jam 4.05 petang apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia dapat dilihat dan didengar oleh seluruh rakyat dalam negara kita Malaysia pada siapa sahaja yang melihat TV dan mendengar radio.

Maka Belanjawan yang telah dibentangkan pada petang Khamis yang lepas oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah nyatalah kepada kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang

Amat Berhormat Dato Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Kabinetnya adalah satu pemerintahan yang cukup adil, kerana pada pendapat saya tidak ada satu belanjawan ataupun satu cukai yang akan mendapatkan wang dengan memberatkan kepada rakyat. Maka ini saya teringat balik apa yang saya biasa dengar daripada cerita-cerita tok guru iaitu kalau mengikut dalam agama Islam sekalipun begitulah caranya; kita ambil daripada orang yang kaya dan kita beri kepada orang yang susah. Jadi pendek kata cukai-cukai itu dititikberatkan kepada orang kaya begitulah pendengaran saya pada petang itu walaupun saya tak baca berulang kali, tetapi tidak memberatkan rakyat, bahkan memberi keringanan kepada rakyat. Saya contohkan sebagai buah-buahan yang diperlukan oleh rakyat dikecualikan daripada cukai ke semua sekali. Begitu juga kelepasan cukai pendapatan yang sangat didam-idamkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan, walaupun pegawai-pegawai Kerajaan itu ialah orang yang makan gaji, kadang-kadang kata pak tani kami lebih teruk daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Begitulah adat manusia. Pegawai kata pak tani lapang walaupun tak dapat gaji tetapi segala benda tak payah beli. Kata pak tani pula pegawai ada wang beratus-ratus, setengahnya sampai beribu-ribu ringgit. Jadi pendek kata satu pihak mengatakan satu pihak, tetapi walau macam manapun atas dasar cukai pendapatan itu tiap-tiap tempat merayu.

Saya sendiri sebagai Wakil Rakyat kadang-kadang saya tersenyum bila saya masuk ke satu pejabat perkara ini tetap disuarakan. Mereka bertanya bila lagi had pelepasan cukai ini akan dinaikkan. Pagi hari Khamis itu juga saya pergi ke satu pejabat dalam Kuala Lumpur ini ada orang menyuarakan hal ini. Alasan mereka apa yang ditetapkan itu benda yang sudah berpuluh tahun dan tak padan dengan masa yang ada hari ini. Rupa-rupanya bersyukur kepada Tuhan pada 18hb pukul 4.05 petang macam saya katakan tadi, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menaikkan pelepasan cukai pendapatan apa yang didam-idamkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan itu. Maka dengan itu saya ucapkan syabas dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi cukai kita ini menolong rakyat tetapi kita menghadapi dua masalah, kadang-kadang pihak peniaga, saya amat dukacita peniaga sudah menjadi satu adat kalaulah

cukai dinaikkan oleh Kerajaan, Yang Berhormat Mulia mengumumkan pada hari Khamis lepas cukai ini naik, cukai buah naik misalnya, mereka beli buah itu murah sudah tetap akan dijual mahal, kononnya cukainya naik. Walaupun buah yang dibeli bukan kena cukai yang telah diumumkan itu. Ini adat ahli perniagaan. Tetapi bila pula sudah diumumkan cukai telah diturunkan atau dikecualikan, walaupun yang mereka beli itu tentulah mereka kata; kami tidak mahu jual murah disebabkan kami sudah lama membeli barang ini dan kalau mereka beli baru pun, yang tidak kena cukai pun begitulah, adat di segi perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh di segi Pegawai Kerajaan seperti saya katakan tadi ini selalu disuarakan. Kata pegawai-pegawai Kerajaan bagi setengah ahli perniagaan mereka boleh tipu, setengah pekedai-pekedai misalnya sampai tiga buku dibuatnya. Buku yang dijual bertulis, buku yang dibuat kira-kira untuk mengecualikan cukai. Tetapi bagi pegawai Kerajaan, kata mereka: kami tidak boleh tipu kerana gaji kami telah ditetapkan dalam *Gazette* Kerajaan dan tiap-tiap orang tahu dengan sebab itu ada atau tidak ada wang, gaji kami mesti dipotong. Jadi dengan desakan mereka itu dan hari ini pula telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Mulia bagi pihak Kerajaan, sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, hari yang pertama perbincangan Belanjawan ini dimulakan maka orang yang pertama dan kedua kalau tidak silap saya bercakap ialah Ketua Pembangkang dan pihak Pembangkang. Pembangkang ini seperti yang kita tahu, biar kita buat apa sekali pun, namun mereka hendak mengatakan apa yang kita buat itu baik, mereka tidak akan kata sekali-kali. Ini kerana tabiat manusia kadangkala kadang-kadang kalau kita berkawan, kita muzakarah atau kita berbahas dengan kawan, tentulah kita akan cari kebenaran. Tetapi kalau kita berbahas dengan lawan sama ada politik atau musuh dan lain-lainnya, apa yang mereka cari ialah kemenangan. Salah dan benar bukan menjadi masalah, tetapi kemenangan pihaknya, itu yang mereka mahu. Itulah ibarat saya kepada Parti Pembangkang, walau kita buat apa sekali pun kebenaran tidak akan dikata oleh Pembangkang, mereka hendak, merekalah yang benar. Perkara Parti Pembangkang ini, saya tidak mahulah

bincang dan saya tinggalkan kepada pihak-pihak yang berkenaan khususnya Yang Berhormat Menteri yang akan menjawab yang mana saya percaya dicatit oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Selalu saya kata dalam Dewan yang mulia ini walaupun Kerajaan kita ini sudah baik tetapi sebagai parti yang dianggotai oleh manusia yang bersifat baharu, tentulah ada perkara-perkara yang boleh ditegur dan boleh ditambah untuk perkara yang baik itu bertambah baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sama-sama maklum sebagai manusia ataupun sebagai satu negara, kita berkehendak kepada kekayaan dan berkehendak kepada wang, sebab itulah kita minta cukai dan kita kena cukai. Tetapi wang tidak bererti kalau kita tidak selamat dan kalau kita tidak sihat, dengan sebab itu telah menjadi simbol kepada Kerajaan kita selain daripada perpaduan, keselamatan adalah satu perkara yang amat penting kepada kita bersama baik pun kepada batang tubuh apatah lagi kepada negara. Dengan sebab itu mengikut apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb yang lepas, saya bersyukur kepada Tuhan dan saya berterima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri yang berkenaan yang telah memberi peruntukan yang banyak untuk keselamatan dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi walau bagaimana kita banyak wang sekali pun tetapi kalau negara kita tidak selamat, negeri kita tidak selamat, kita tidak boleh hidup dengan aman dan damai. Dengan sebab itulah Kerajaan kena membanyakkan askar-askar, membanyakkan rumah-rumah askar, ini amatlah perlu dan penting dan apa yang saya hendak minta di sini cuma ada dua tiga perkara yang agak saya patut diperbaiki.

Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan yang mana dalam Dewan yang mulia ini saya selalu suarakan minta satu batalion askar ditempatkan di Perlis. Dengan takdir Tuhan serta kerjasama yang ikhlas daripada Kerajaan kita apa yang disuarakan oleh saya dan pihak-pihak yang berkenaan dalam Perlis termasuk orang yang kita kata lebih berkuasa mengikut protokol di Perlis, perkara ini akan

dilaksanakan di negeri Perlis. Tetapi malangnya negeri Perlis yang seluas 316 batu persegi di mana sahaja bangunan akan dibuat, baik dibuat untuk sekolah atau keselamatan, misalnya Bangunan Polis UPP dan sebagainya, tetapi seperti saya katakan tadi untuk menempatkan satu batalion askar itu terkenalah kepada tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang tadi. Maka datanglah berpucuk-pucuk surat ke Pejabat Datuk Menteri Besar dan boleh jadi akan sampai ke Pejabat Menteri Pertahanan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, ditelan mati emak, diluahkan mati bapa. Hendak ambil boleh jadi dikatakan kita kejam, kalau tidak diambil di mana tempat yang kita hendak buat. Maka dengan sebab itu saya berharap patutlah batalion itu dibuat kalau boleh tolonglah buat di satu tempat yang agaknya tidak menindaskan satu golongan yang tanahnya semata-mata seorang tiga ekar, empat ekar dan sebagainya. Ambillah tanah-tanah yang agak banyak seperti yang dimiliki oleh orang luar negeri yang ada di Perlis, misalnya orang luar negeri yang membuka estet di sana, ambillah tanah-tanah yang berkenaan. Ini boleh jadi mereka marah, tetapi saya berpendapat patutlah dibuat.

Saya merayu atas nama penduduk-penduduk Perlis kalaulah sebarang rancangan yang akan dilaksanakan, kalau boleh biarlah kata orang: Tarik tali dalam tepung, tepung itu tidak berkecai, tali yang hendak ditarik itu dapat diambil. Maksud saya rancangan yang dibuat itu dapat berjalan dengan elok sedangkan tidak ada orang yang tertindas, itulah harapan saya, kalau boleh, tetapi kalau keadaan tidak dapat dielakkan, apakan daya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi pertahanan ini amatlah perlu kepada kita, kita bukan sahaja bercakap pertahanan hendak diperkuatkan, tetapi kita berkehendak kepada wang yang lebih untuk menambahkan askar-askar. Saya sendiri dalam Dewan ini biasa mengatakan kalau kita hendak puji sahaja kepada seseorang itu tetapi disebalik puji itu kita tidak tunai, itu

adalah puji palsu dan mengikut ugama kalau tidak silap saya, kalau kita main puji sangat kata Nabi: Baik ambil pasir, campak ke muka. Jadi puji ini terlampau tidak berguna, dengan sebab itu pada hari ini kita tentulah tidak mahu puji askar-askar, tetapi keistimewaannya kita hendaklah beri kepada mereka. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula gaji-gaji askar dan mengkaji semula keistimewaan-keistimewaan yang patut diberi seperti pencen, keistimewaan untuk anak-anak mereka dan sebagainya. Dan kalau boleh seperti yang kita dapati pada hari ini selain daripada askar biasa seperti Askar Melayu dan sebagainya ada juga Askar Tempatan (Tentera Wataniah) yang berlatih seminggu sekali.

Pada hari ini saya dapati kebanyakan anak-anak muda kita yang masuk Askar Tempatan dan sebagainya boleh dikatakan berkelulusan tidak lagi macam di zaman yang silam, ada setengah di zaman mula-mula kita tubuhkan Askar Tempatan setengahnya mereka tidak mempunyai kelulusan hanya kelulusan Darjah Lima. Tetapi pada hari ini kebanyakannya kita dapati pemuda-pemuda yang berumur 21 tahun ke atas sudah boleh dikatakan sekurang-kurangnya mereka mempunyai kelulusan LCE dan SPM dan kebanyakan mereka tidak dapat pekerjaan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan daripada segi kenaikan harga barang yang melambung tinggi dan serbaserbi maka saya berharap sangat-sangatlah Askar Tempatan yang berlatih seminggu sekali seperti yang saya dapat tahu walaupun telah dinaikkan elaunnya daripada peringkat awal sampai ke atas sedikit, tetapi kalau dipandang dengan kenaikan gaji yang lain serta kenaikan harga barang elaun mereka, patutlah dikaji semula dan dinaikkan daripada peringkat yang ada sekarang ke peringkat yang tinggi sedikit. Kalau boleh diserapkan sekiranya ada kebolehan dan sebagainya untuk menjadi Askar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada askar, kita tahu juga ada pegawai keselamatan iaitu polis dan sebagainya. Dan salah satu daripadanya yang tidak secara rasmi tetapi kuasanya tidak ada ialah

RELA. RELA ini kadang-kadang dalam kampung mereka biasa menangkap orang berkhalwat dan sebagainya. Kalau di-sesebuah kampung yang RELAnya berpakat dengan baik, amatlah payah seseorang penjahat hendak melakukan jenayah dalam kampung-kampung yang berkenaan. Ini telah berlaku di negeri saya sendiri Perlis, tetapi sayang jaminan kepada mereka ini tidak ada langsung untuk mengawal di kampung mereka sendiri. Saya mencadangkan patutlah diadakan satu jaminan khasnya di masa mereka berkawal dan saya menyerulah kepada Kerajaan kalau boleh adakanlah Elaun Masa untuk RELA ini waktu menjalankan tugas dan berilah kepada mereka ini pakaian khas yang dapat dipakai seperti pakaian hijau atau apa yang dipandang patut.

Saya dapat tahu RELA ini dikehendaki membuat pakaian sendiri. Adakah berita ini benar ataupun tidak, tetapi kalaulah berita ini benar, saya amat sedih kerana sudahlah gajinya tidak ada, elaun pun tidak ada, pakaian pula terpaksa dibuat sendiri. Walaupun tidak diberi gaji ataupun elaun tetap, tetapi tolonglah beri elaun semasa mereka ini bertugas dan berilah juga senjata-senjata yang agak banyak sedikit, apatah lagi di tempat-tempat yang berhampiran sempadan kerana dalam saluran sempadan macam negeri saya sendiri, Perlis, selalu dimasuki oleh pencuri; kadang-kadang mencuri motosikal, lembu dan sebagainya. Apatah lagi kalau di hari-hari kebesaran macam Hari Raya Haji atau Hari Raya Puasa yang lepas maka RELA terpaksa berjaga, tidak boleh lena. Tetapi sayang, kadang-kadang senjatanya tidak ada, cuma menjaga pegang parang cengkok dan sebagainya. Kalau ada pun tidak begitu mencukupi, 4-5 orang atau 10 orang cuma ada satu senjatapi. Kadang-kadang pihak penjahat ini boleh dikatakan mempunyai alat yang cukup.

Bukan maksud saya supaya RELA itu melawan seperti askar; dia sebagai mata telinga Kerajaan tetapi apa gunanya sebagai mata telinga kalau orang ada senjata sedangkan kita tengok begitu sahaja. Apatah lagi kalau dibubuh topeng muka mana kita hendak kenal. Kalau kita ada senjatapi, dia juga ada senjata, sekurang-kurangnya dia tahu kalau tidak mereka kena, boleh jadi aku kena

kerana pihak penjaga pun ada senjata; bukan setakat menjadi mata dan telinga Kerajaan semata-mata. Jadi benda ini patutlah diberi.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, senjata ini baik pun dalam pertahanan boleh jadi ada orang tuduh kita membazir wang tetapi saya berpendapat bagi kita sendiri siapkan badan untuk sihat bukan semata-mata untuk bergaduh dengan kawan, tetapi kalau kita sihat; kita buat apapun boleh. Begitu juga kepada negara—kalau batang tubuh itu sihat, batang tubuh cukup dengan senjata dan sebagainya biarpun secara besar sebagai pegawai keselamatan ataupun askar, kita boleh mengawal negara kita sendiri bila diserang.

Bukanlah maksud kita sediakan senjata itu untuk berperang semata-mata. Banyak membawa senjata bukan kerana berperang tetapi sebagai manusia ini sudah menjadi adat. Kalau dari segi pelajaran, janganlah dikata yang tidak pandai, tetapi yang pandai sebagai peguam dan sebagainya, orang hendak lawan pun orang takut kerana senjatanya ialah ia pandai, tahu undang-undang dan sebagainya. Tetapi kalau orang tahu ia ini tidak ada apa-apa, orang tidak takut kepadanya.

Dengan sebab itu saya berpendapat, senjata ini amatlah perlu kepada tiap-tiap pasukan keselamatan dan kepada tiap-tiap batang tubuh untuk menjaga keselamatan pun perlu juga. Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri kita jaga, jenayah dan penjahat dalam negeri kita jaga, tetapi sebagaimana kita sama-sama maklum pendatang haram masih ada dalam negara kita walaupun diikhtiar oleh Kerajaan untuk membawa mereka keluar. Saya dapat tahu, adakah berita ini benar atau tidak—wallahualam, pendatang haram ini melebihi-lebih sangat. Ada setengahnya bila Kerajaan hendak menghantar mereka ke satu-satu negeri, dia akan memilih sendiri. Misalnya kalau dia fikir Amerika tempat yang bagus, semuanya hendak pergi ke Amerika.

Jadi saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita biarkan mereka ini pilih. Kalau kita ada masa lapang, ada kapal, kita hantar sahaja mereka, jangan nanti dia hendak pilih, dia yang datang menumpang

di negeri kita, bukan kita panggil, sedangkan masalah negara kita pun masih banyak lagi. Ini saya dapat berita, kalaulah berita ini benar, janganlah biarkan mereka ini pilih, biarlah kita hantar asalkan ada masa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi saya berharap sangat peruntukan yang banyak kepada Kementerian yang berkenaan moga-moga mendapat keamanan dan negara kita bertambah baik dan keselamatan negara kita bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara keselamatan, saya juga akan bercakap di segi kesihatan. Perkara yang amat menyedihkan dalam beberapa hari ini ialah penyakit jantung berlubang. Saya ucapkan berbanyak terima kasih dan syabas kepada akhbar yang mana peranan akhbar itu sangat-sangat menarik perhatian dan belas kesihan dari rakyat dalam negara kita yang telah memberi derma. Ada setengahnya diberitahu dengan terus terang, ada diberi nama; dan ada pula yang diberi dengan tidak disebut nama. Tetapi walau bagaimanapun dapatlah ditolong pesakit-pesakit jantung berlubang ini.

Tetapi saya berpendapat sakit bukan boleh ditunggu. Sakit hari ini hendak berubat sebulan lagi. Perkara penyakit bukan perkara yang boleh ditunggu. Yang boleh tunggu kalau hendak berbincang, bermesyuarat, bolehlah kita tunggu—itupun kalau ada perlu kita panggil tergepar. Ini sakit hendak disuruh tunggu, saya amat sedih. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan baikpun Kementerian Kesihatan ataupun Kerajaan sendiri khasnya Kementerian Kesihatan mengadakan satu pakar khas di dalam Malaysia kita. Kalaulah terpaksa kita berbelanja banyak, kalau di segi lain dapat kita belanja mengapa di segi ini kita tidak mahu hendak belanja. Kita hantar pesakit-pesakit pergi ke Singapura, apatah lagi kalau kena pergi ke Phillipines belanjanya untuk seorang tidak kurang daripada ber-puluh-puluh ribu ringgit.

Yang kena penyakit ini pula saya dapat tahu, tidak tahulah apa sebabnya, boleh dikatakan 80%-90% terdiri daripada orang

yang berpendapatan rendah. Bila saya lihat dalam akhbar, kadang-kadang saya menangis, melihat budak minta belas kasihan, anak saya sakit, saya tidak ada gaji; saya menangis, Tuan Yang di-Pertua, kemudian hendak kumpul wang sebulan macam saya kata tadi, baru boleh hendak kutip. Saya minta Kerajaan adakanlah perkara ini dengan sertamerta. Kalau Kerajaan tidak boleh adakan, adakan satu badan penyelaras, satu jawatan-kuasa mengutip, jangan semata-mata kita berharap kepada akhbar *Utusan Malaysia*. Saya bukan kata akhbar tidak baik, saya sanjung tinggi dan saya ucapkan tahniah bagi pihak rakyat khasnya bagi pihak orang-orang yang simpati saya sungguh sanjung tinggi tetapi perkara sakit bukan boleh kita tunggu. Sepatutnya kalau boleh adakan pakar khas, ikhtiarkan. Kalaulah kita kata setahun kita hantar 10 orang, macam tahun ini sahaja saya ingat sudah lebih 10 orang. Kalau seorang \$40,000—10 orang \$400,000; kita cari pakar-pakar sendiri. Saya bukan suka kena penyakit ini, minta dijauhkan Tuhan tetapi sebagai manusia penyakit tidak boleh dielakkan. Hidup dan mati adalah perkara yang tidak boleh dielakkan oleh manusia, cuma ikhtiar kita ialah simpati, hendak lawan tidak boleh.

Dengan sebab itu saya mengesyorkan dua perkara; seboleh-bolehnya adakanlah pakar khas dalam Kementerian Kesihatan. Kalau kita katakan tidak boleh juga dan pihak Menteri nanti payah hendak jawab, adakan satu badan—kumpul daripada awal. Kadang-kadang saya berasa sedih ada setengahnya dapat derma begitu banyak dan ada pula yang dapat wang itu sedikit sangat. Sakit tidak kira kaya ataupun miskin. Kadang-kadang saya tidak tahulah, pada dua malam yang lepas saya berjumpa seorang budak, saya juga sedih—menangis, meleleh airmata kerana kasihan melihat seorang budak. Katanya pada 11-2-1980 dia kena datang ke Kuala Lumpur hendak periksa sakit jantung, sudah mula berlubang. Saya bertanya fasal apa hendak tunggu bulan dua? Katanya; tidak tahulah, mula-mula hendak hantar bulan sebelas, tetapi tidak jadi, hendak hantar bulan dua. Saya tengok muka budak itu sudah

pucat sedangkan budak itu pula tidak ber-bapa. Jadi saya terfikir jangan-jangan penyakit jantung ini salah satu sebabnya boleh jadi kerana susah hati, miskin—saya tidak mahu kata ada juga orang kaya yang kena penyakit ini, tetapi saya tengok dalam suratkhbar kebanyakannya terdiri daripada orang miskin yang gajinya sedikit, pemotong getah dan sebagainya.

Dengan sebab itu sekali lagi saya syorkan pertama adakan pakar khas, kalau tidak adakan satu jabatan. Kalau akhbar *Utusan Malaysia*, Utusan Malaysialah kerana mereka juga tolong, tetapi patut adakan satu jabatan dan kalau boleh buat satu yayasan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengada-ngada, kerana kalau kita mengada-ngada,

Tuhan marah, apatah lagi kalau makan puji, itu adalah kerja orang gila. Saya tidak mahu makan puji sesuatu benda tetapi kalau kita buat perkara suruhan Tuhan, itu adalah di-suruh oleh Tuhan. Saya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bercakap lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, banyak lagi yang saya hendak cakapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 23hb Oktober, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.